

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 179 ● 26 OGOS - 1 SEPTEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Inspirasi Setahun Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri Malaysia

Menyinar di tengah badai

Imbas Kod QR untuk membaca pencapaian Inspirasi Setahun #KeluargaMalaysia Teguh Bersama



APABILA beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kesembilan, pada tanggal 21 Ogos 2021, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memperkenalkan gagasan Keluarga Malaysia yang menjadi panduan dalam menguruskan negara keluar dari konflik politik dan kesihatan serta mencerdaskan semula sektor ekonomi.

Baginya, dengan pendekatan kekeluargaan yang digagaskan itu melalui formula menang-menang dan kesepakatan di antara pihak pembangkang berjaya membangun dan memulihkan negara dengan berkesan sekali gus dapat mensejahterakan kehidupan seluruh

Keluarga Malaysia.

Latar belakang beliau dari keluarga susah yang bekerja sebagai penoreh getah menjadikan Ismail Sabri kaya dengan nilai empati terhadap golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar yang sedang bergelut untuk kelangsungan hidup pasca pandemik ini.

Tempoh setahun yang berlalu ini boleh diibaratkan cemerlang atas usaha yang telah dilaksanakan. Asas yang telah dirintis ini akan melahirkan kejayaan pada masa hadapan sekali gus membawa Malaysia keluar dari krisis sejagat. Beliau telah diuji dan nyata Ismail Sabri bersinar di tengah badai.

LAGI DI MUKA 2



**SELAMAT MENYAMBUT
HARI KEBANGSAAN
KE-65**



Bukti beliau layak mengemudi bahtera Kerajaan Keluarga Malaysia

Lima kejayaan besar setahun PM

AZLAN ZAMBRY

PELANTIKAN Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri ketika krisis politik, isu kesihatan awam dan kemelesetan ekonomi berlaku serentak bukanlah satu pilihan kepadanya.

Genap setahun sebagai Perdana Menteri, Ismail Sabri telah berjaya mengatasi beberapa konflik sekali gus membuktikan beliau layak mengemudi bahtera Kerajaan Keluarga Malaysia.

Beberapa langkah telah diambil pihaknya termasuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak pembangkang. Selain itu kejayaan melakukan reformasi di Parlimen antaranya dengan membangunkan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan berkaitan larangan wakil rakyat bertukar parti dan pelaksanaan undi 18.

Tindakan tersebut berjaya mengurangkan suhu politik negara sekali gus dapat mengembalikan fokus kerajaan untuk memulih dan membangunkan negara pasca pandemik COVID-19.

Kerajaan yang diterajui Ismail

Sabri berjaya merancakkan semula ekonomi. Suntikan besar diberikan menerusi Bajet 2022 berjumlah RM322.1 bilion yang merupakan peruntukan tertinggi dalam sejarah belanjawan negara dalam membantu memberi sinergi kepada ekonomi.

Inisiatif yang diberikan antaranya Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dengan menyediakan bantuan tunai tambahan kepada golongan B40 untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Cabar yang menimpa negara khususnya krisis ekonomi yang diacetkan oleh wabak tersebut serta perang di antara Russia dan Ukraine telah mengheret negara sehingga berlaku inflasi sehingga meningkatkan harga barang keperluan nyata membimbangkan rakyat.

Bagi menangani masalah tersebut, beliau menyusun langkah dengan menujuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bagi mengawal kenaikan harga barang keperluan dengan lebih berkesan. Hasilnya harga beberapa barang keperluan seperti minyak masak, ayam dan telur berjaya distabilkan malah di beberapa tempat harga ayam misalnya



PRESTASI Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam menerajui kerajaan berjaya membawa negara keluar dari krisis politik, kesihatan dan ekonomi.

dijual pada harga lebih rendah daripada harga kawalan yang ditetapkan.

Ismail Sabri turut membuat keputusan besar dengan meluluskan tambahan subsidi bagi sektor kegunaan merangkumi perkhidmatan air dan elektrik, minyak masak serta bantuan Keluarga Malaysia yang memperuntukkan hampir RM80 bilion untuk golongan sasaran. Ia

disifatkan sebagai angka terbesar dalam sejarah negara.

Dalam sektor kesihatan awam, kerajaan pimpinan Ismail Sabri berjaya membendung penularan COVID-19 menerusi pelbagai inisiatif termasuk meneruskan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Vaksin diberikan secara percuma dan beliau tidak

Ismail Sabri fokus kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan

PELANTIKAN Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri dilihat mampu memberikan kesejahteraan kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan berdasarkan pengalamannya yang pernah menerajui beberapa kementerian berkaitan keperluan rakyat sebelum ini.

Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada bandar raya Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan memerlukan perhatian khusus kerana ketiga-tiga wilayah ini mempunyai keperluan dan keistimewaan tersendiri yang memerlukan sentuhan Perdana Menteri.

Misalnya, Ismail Sabri mengambil berat mengenai masalah banjir kilat yang sering melanda ibu kota akibat perubahan cuaca yang melampau. Beliau mengawasi secara dekat pelaksanaan Pelan Induk Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 yang mengandungi 14 langkah interim untuk mengatasi masalah tersebut melibatkan kira-kira 35 lokasi hot spot yang telah dikenal pasti.

Kerajaan pimpinan Ismail Sabri melancarkan Pakej Kesejahteraan Keluarga Malaysia Kuala Lumpur (PKKKML) yang memberi manfaat kepada warga kota sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur.

Melalui PKKKML, ia mampu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan beberapa inisiatif termasuk membina 5,000 'council home' untuk disewa kepada warga kota dengan keluasan minimum 750 kaki persegi.

DBKL juga akan membaiki sebanyak 306 lif di 31 lokasi Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun dan

menambah kamera litar tertutup (CCTV) bagi menjamin keselamatan warga kota yang di kawal melalui Kuala Lumpur Control & Command Centre (KLCCC).

Ismail Sabri berkata DBKL juga akan menyediakan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan jaringan hijau dengan mengutamakan keselesaan dan keselamatan pengguna serta menaik taraf gerai penjaja di pusat penjaja yang telah usang termasuk kelompok-kelompok gerai di tepi jalan yang berlesen.

Meskipun Putrajaya sudahpun berada di atas landasan pembangunan yang betul, beliau tidak meminggirkan peranan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini malah peranannya akan dipelbagaikan melalui aktiviti rekreasi yang boleh menggalakkan program pelancongan.

Meskipun faktor geografi memisahkan Labuan, melalui Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada Ogos 2022 telah menunjukkan penurunan miskin tegar di Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 23 peratus dalam tempoh enam bulan pada tahun ini.

Bagi menangani kemiskinan dan juga kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan Labuan, beberapa program telah dilaksanakan iaitu Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah dengan pemberian kupon bersubsidi kepada 3,558 orang dari golongan B40, Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJKM) dengan konsep jualan bersubsidi untuk lapan barang asas di pasar raya terpilih dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) Lokaliti Kampung Sungai Bedaun serta Kampung Patau-Patau 1 dan 2 melibatkan 58 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar. **WK**

Taman Lanskap Instagrammable bakal jadi tumpuan RFP 2022

AINI MAWAWI

DIJANGKA seramai 500,000 pengunjung acara tahunan Floria Diraja Putrajaya atau Royal Floria Putrajaya (RFP) 2022 bakal mengunjungi pelbagai taman dalam festival yang akan berlangsung dari 29 Ogos sehingga 4 September ini.

Antara taman yang menarik dan bakal menjadi perhatian adalah Taman Lanskap Instagrammable atau Taman OOTD yang turut dipertandingkan dalam pertandingan lanskap RFP 2022.

Menariknya reka bentuk taman yang dipertandingkan di bawah Syarikat Putrajaya Leisure & Services Group Sdn Bhd (PULSE Group) ini bertemakan hidupan laut untuk meningkatkan kesedaran ke arah melindungi dan memelihara.

Menurut Pengurus Projek PULSE Group yang juga Arkitek Lanskap, **Roziyanti Abu Darim**, pihaknya melaksanakan konsep 3R iaitu reduce (mengurangkan pembaziran), reuse (guna semula) dan recycle (kitar semula) untuk meningkatkan kesedaran.

"Semua bahan kami diperbuat daripada botol, plastik, tayar, kayu dan besi yang dapat menunjukkan kesedaran bagi menyelamatkan laut. Selain itu, tema reka bentuk ini ialah bunga orkid untuk mengimbangi flora dan fauna," ujarnya.

Lokasi taman yang terletak berhampiran dengan Taman Inggeris ini merupakan sebuah kawasan yang bakal digemari anak-anak muda yang suka bergambar dengan Outfit of The day (OOTD) masing-masing.

Sementara itu, berdekatan taman ini disediakan sebuah kafe yang berkonsepkan 'outdoor cafe' (F&B) yang mana pengoperasianya adalah dari pihak katering Putrajaya International Convention Centre (PICC) dan juga Floria Beach Cafe yang dioperasikan oleh PULSE Grande Hotel.

Selain itu, antara komponen lain yang dianjur-

mewajibkan rakyat bagi pengambilan vaksin untuk dos penggalak kedua, sebaliknya ia boleh diambil secara sukarela.

Beliau juga berjaya meratifikasi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) pada 18 Mac lalu yang membolehkan negara memanfaatkan perjanjian mega untuk mencerdaskan ekonomi dengan meningkatkan perdagangan.

Penghapusan tarif untuk barang dagangan yang dinikmati menerusi perjanjian itu membolehkan ekonomi negara terus berkembang. Pada suku pertama tahun 2022, Malaysia mencatatkan sebanyak RM42.8 bilion pelaburan iaitu yang tertinggi dalam tempoh itu setakat ini.

Perdana Menteri turut memperuntukan perbelanjaan yang besar dalam sektor pendidikan dengan memperuntukkan RM450 juta untuk memberikan peranti tablet percuma kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) daripada keluarga B40 melalui program Peranti Siswa Keluarga Malaysia. Ia memberi manfaat kepada kira-kira 350,000 mahasiswa seluruh negara. **WK**

kan PULSE Group adalah Pertandingan Lanskap Taman Institusi Pengajian Tinggi dan Pertunjukan Bot Hiasan Berlampa.

"Pertandingan Lanskap Taman Institusi Pengajian Tinggi termasuk kategori Taman Kreatif dan Pencahayaan Menarik akan bagi memberi peluang kepada siswa dan sisi menunjukkan daya kreativiti, kesenian dan profesionalisme masing-masing dalam menonjolkan bakat mereka dengan menghasilkan taman yang kreatif."

"Selain sijil penyertaan dan hadiah tempat pertama, kedua dan ketiga kepada lapan buah institusi yang menyertai, insentif sebanyak RM5,000 diberikan kepada setiap institusi berdasarkan Geran Sepadan Sektor Pelancongan (GSSP) daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) bagi galakkan penyertaan selain memberi kemudahan dari segi kos binaan taman, pengangkutan, makanan, minuman serta penginapan," ujarnya.

Sementara itu, Pameran Bot Berhias Berlampa dan Pertunjukan Rekreasi Air pula merupakan salah satu tarikan utama aktiviti pada malam hari. Terdapat sebanyak lima Perahu Dong Dang Sayang dan tiga cruise yang disediakan PULSE Group menerusi pihak Marina Putrajaya.

Jelas Roziyanti pengunjung berpeluang menaiki Perahu Dong Dang Sayang dan cruise yang akan disediakan sepanjang festival berlangsung.

Dalam pada itu, PULSE Group turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) kerana sentiasa menyokong usaha-usaha ke arah mempertingkatkan prestasi industri pelancongan dan penjanaan ekonomi negara.

"PULSE Group bersedia bekerjasama dengan pihak MOTAC, Perbadanan Putrajaya (PPj), kontraktor, pembekal, peniaga dari semasa ke semasa bagi merealisasikan program yang berprestij ini," ujarnya. **WK**



ROZIYANTI

300 kakitangan sertai Program KWP

Budayakan kehidupan sihat dan aktif

SABRINA SABRE

ME M B U D A Y A K A N kehidupan sihat dan aktif di kalangan warga kota adalah matlamat Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.**

Berupac merasmikan Program Sihat Dan Hebat yang disertai kira-kira 300 kakitangan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Shahidan berkata program tersebut adalah untuk kelestarian persekitaran dalam kalangan warga kerja.

"Inisiatif ini merupakan salah satu daripada Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dalam membolehkan rakyat Malaysia menjalani kehidupan yang sihat sejahtera.

"Perubahan gaya hidup rakyat yang semakin moden, faktor urbanisasi dan globalisasi menjadi isu kesihatan rakyat khususnya dalam kalangan penduduk bandar semakin mencabar.

"Ini termasuklah masalah kesihatan seperti obesiti, penyakit berjangkit, penyakit kronik, pandemik dan kesihatan mental dalam

kalangan rakyat. Maka, amalan gaya hidup sihat adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan oleh semua," katanya di Dewan Serbaguna KWP Khamis lalu.

Hadir sama Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar; Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pembangunan, Datuk Ruzain Idris dan Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Sosioekonomi, Datuk Parang Abai @ Thomas.

Tambahnya, KWP akan terus komited dalam menyediakan persekitaran serta fasiliti kepada warga Wilayah Persekutuan untuk membolehkan penjagaan kesihatan diutamakan dalam melahirkan sebuah Keluarga Malaysia yang sihat dan hebat.

Shahidan berkata Program KWP Sihat dan Hebat ini bukan sahaja dipraktikkan dalam kalangan warga kerja tetapi turut diperlakukan kepada komuniti di Wilayah Persekutuan melalui MyMedic@ Wilayah yang memberikan perkhidmatan rawatan asas percutia kepada penduduk di Projek



SHAHIDAN (tengah) ketika melakukan gimik pelancaran Program KWP Sihat Dan Hebat di Dewan Serbaguna KWP, baru-baru ini.

Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sehingga 7 Ogos lalu, seramai

12,967 orang daripada 15 PPR dan PA DBKL telah menerima manfaat daripada Program MyMedic@ Wilayah.

Dalam pada itu, Shahidan me-

maklumkan pelbagai program telah dirancang oleh pihaknya sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan kali ke-65 dan akan memastikan setiap kawasan parlimen mengibarkan Jalur Gemilang di bangunan mereka.

"Terdapat banyak program yang telah dirancang sepanjang bulan Ogos ini. Tetapi yang penting ketika ini adalah saya hendak memastikan bendera-bendera besar perlu diletakkan di parlimen dan juga kompleks beli-belah. Ini merupakan salah satu projek jangka panjang yang akan kita buat.

"Saya tengok di kebanyakan negara seperti di United States, Turkiye ataupun di negara Eropah, syarikat-syarikat telah pun meletakkan bendera besar. Kita di Malaysia perlu mengamalkan seperti mereka. Sebelum ini, saya pernah usulkan di dalam parlimen pada tahun 1986 bahawa kita perlu mengibarkan bendera pada bila-bila masa sahaja sebagai tanda kedaulatan, cintakan negara dan bukan hanya sekadar menyambut kemerdekaan pada 31 Ogos," ujarnya. **W.K**



PENGURUSI St John Ambulans Malaysia Wilayah Persekutuan, Dr Muhd Siv Azhar (kanan) memberi penerangan kepada Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Mustapa Kamal tentang ambulans percuma yang berkhidmat di bawah talian 999.

St John Ambulans lancar perkhidmatan lebih efisien dengan sumbangan awam

PERBADANAN St John Ambulans Malaysia Wilayah Persekutuan baru-baru ini melancarkan perkhidmatan ambulans lebih efisien dengan menggunakan sistem radio komunikasi baharu bagi memberi khidmat masyarakat yang lebih baik kepada warga kota.

Menurut Pengurus Perbadanan St John Ambulans Malaysia Wilayah Persekutuan, **Dr Muhd Siv Azhar Merican**, sistem baharu ini adalah berdasarkan pengkomputeran awan dan internet yang dibangunkan oleh Syarikat Motorola.

"Dengan naik tarafnya sistem ini, komunikasi di antara stesen panggilan ambulans 999 kami dengan petugas di lapangan akan lebih stabil.

"Selain itu, ia (komunikasi) boleh dicapai walaupun ambulans berada sejauh Perlis atau Singapura, berbanding dengan sistem radio frekuensi yang terhad

sebelum ini.

"Bukan itu sahaja, kami turut menaik taraf kelengkapan ambulans, peralatan perubatan di samping teknologi yang diadaptasi," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sementara itu, Dr Muhd Siv memaklumkan selain sumbangan awam, dana turut diperolehi daripada Kursus Pertolongan Cemas yang dianjurkan serta pemindahan kes bukan kritis dari hospital ke rumah.

"Kadar yang dikenakan adalah antara yang termurah bermula dari RM150 hingga RM180 di Lembah Klang atas dasar khidmat kemasyarakatan. Kadar perjalanan ke luar negeri pula dikira berdasarkan jarak kilometer," katanya.

Tambahnya, bagi sebarang kecemasan, orang awam boleh menghubungi 999 dan bagi tempahan ambulans untuk permindahan pesakit dalam dan luar

negeri, maklumat lanjut boleh diperolehi di talian **03-9285 5294**.

Turut hadir Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff yang mewakili Menteri Wilayah Persekutuan bagi merasmikan sistem radio komunikasi baharu ambulans.

Datuk Mustapa Kamal juga berharap orang awam dan badan korporat dapat bersama-sama membantu Perbadanan St John Ambulans Malaysia Wilayah Persekutuan memandangkan perkhidmatan percuma ini bergantung sepenuhnya kepada sumbangan awam.

Terdahulu, Perbadanan St John Ambulans Malaysia Wilayah Persekutuan yang berpusat di Cheras, Kuala Lumpur ini telah memberikan perkhidmatan ambulans kecemasan percuma di bawah talian 999 khusus buat warga kota sejak 1998. **W.K**

Royal FLORIA PUTRAJAYA

2022

FLORIA HEBAT

Orkid

FESTIVAL BUNGA & TAMAN FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA

Tarikh
29 OGOS 2022 - 4 SEPTEMBER 2022

Masa
9.00 AM - 10.00 PM

Tempat
ANJUNG FLORIA PRESINT 4, PUTRAJAYA

IMBAS SINI

Sila Imbas Kod QR Bagi Pembelian Tiket Secara Atas Talian
Atau Layari <https://floria.putrajaya.my>

TOURISM MALAYSIA

MALAYSIA PULSE

putrajaya

perbadananputrajaya

Anjung Floria Putrajaya

Jualan Murah Karnival Semarak Uniti Kemerdekaan

300 ekor ayam 'habis licin'

HAZIRAH HALIM

SEBANYAK 300 ekor ayam habis dijual melalui inisiatif MyGrocer@Wilayah dalam Jualan Murah Keluarga Malaysia sempena Karnival Semarak Uniti Kemerdekaan Keluarga Malaysia Teguh Bersama di Taman Tasik Titiwangsa, Sabtu lalu.

Pegawai Pembangunan Ekonomi Belia Yayasan Wilayah Persekutuan, Mohamad Shahrizzat Sirun berkata pihaknya bersyukur apabila jualan murah ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung terutamanya ayam, telur dan barang lain.

"Seawal pukul lapan pagi, pengunjung sudah mula menunggu pembukaan Trak MyGrocer@ Wilayah dan alhamdulillah pukul 12 tengah hari sudah habis dijual.

"Kami tawarkan dengan harga murah berbanding pasaran dan harga bagi seekor ayam yang dijual melalui trak MyGrocer@Wilayah adalah RM15 seekor tetapi untuk



HARGA seekor ayam yang dijual melalui trak MyGrocer@Wilayah pada Jualan Murah adalah lebih murah berbanding di pasaran.

Jualan Murah ini, kami tawarkan harga RM12 seekor dan ia masih murah berbanding harga di pasaran," katanya kepada Wilayahku.

Mohamad Shahrizzat berkata, pihaknya tidak mengehadkan pembelian barang dan pengunjung bebas membeli untuk keperluan

mereka.

"Saya melihat rata-ratanya pengunjung di sini membeli dua hingga tiga ekor ayam dan mereka turut mendapatkan barang kering yang lain seperti telur, beras, tepung, gula, susu, santan dan tin sardin.

"Bagi barang lain turut dijual

murah iaitu kita tawarkan dengan harga RM4 bagi satu pek telur (10 biji), RM11 bagi sekampit beras 5 kilogram dan sekatok santan berharga RM2.90 dan sebagainya," katanya.

Tambahnya, harga yang ditawarkan dalam program jualan hari ini adalah berbeza seperti yang tertera pada gegantung (bunting) kerana ia adalah untuk kegunaan jualan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar ibu kota.

Dalam pada itu, Mohamad Shahrizzat berkata program jualan melalui inisiatif MyGrocer@Wilayah pada karnival uniti ini hanya berlangsung satu hari sahaja.

"Jika sesiapa yang tidak berkesempatan untuk mendapatkan barang keperluan dengan harga yang murah, anda boleh kunjungi laman Facebook Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengetahui jadual operasi MyGrocer@Wilayah di kawasan PPR/PA yang terpilih," katanya. WK

Warga Putrajaya bakal terima barang asas



TENGKU Adnan (kiri) turut menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU) di Program Keluarga Malaysia Teguh Bersama di Putrajaya baru-baru ini.

BAGI meringankan beban warga Putrajaya terutama yang berpendapatan rendah, sumbangan barang asas bakal diberikan pada 31 Ogos ini.

Ia merupakan antara program yang telah direncana untuk menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan.

Menurut Ahli Parlimen Putrajaya, Tengku Adnan Tengku Mansor, sumbangan bantuan yang akan disampaikan pada 31 Ogos ini adalah bagi membantu penduduk setempat.

"Pada Hari Kemerdekaan nanti, kita akan menyampaikan sumbangan

kepada penduduk di Presint 15, 16, 17 dan 18 manakala penduduk di kawasan lain akan disampaikan pada September kelak.

"Sumbangan berbentuk beras, daging dan minyak untuk membantu meringankan beban mereka yang terkesan," kata beliau kepada pemberita pada Program Keluarga Malaysia Teguh Bersama di My Farm Outlet, Presint 7, Putrajaya.

Mengulas tentang program yang disusun bagi komuniti Putrajaya, beliau berkata selain penyerahan Jalur Gemilang, kibaran bendera di kawasan

perumahan, jalan raya serta kompleks-kompleks kerajaan menunjukkan semangat patriotik dalam kalangan warganya.

Terdahulu, Program Keluarga Malaysia Teguh Bersama diadakan di My Farm Outlet, Presint 7 bermula 8 pagi sehingga 1 tengah hari melibatkan komuniti Putrajaya yang terdiri daripada pelbagai bangsa. WK

CERTA KEDAI KOPI

Usaha murni kenang Elyas

SEBUT nama Allahyarham Tan Sri Elyas Omar, mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur ketiga dari November 1981 hingga September 1992, akan terbayang susuk tubuh yang bukan sahaja terkenal sebagai seorang pentadbir tetapi juga tokoh sukan disegani.

Kerana itu apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan pementasan teater berjudul Elyas Emas atau *The Golden Elyas* baru-baru ini, kawan-kawan Kedai Kopi menyifatkan ia satu usaha murni memberi penghargaan kepada Allahyarham.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ia merupakan tanda ingatan yang tepat dan sangat wajar mengimbau jasa bakti Allahyarham kepada negara dan Kuala Lumpur khususnya.

Allahyarham, yang meninggal dunia pada Mei 2018, bukan sahaja dikenali oleh warga kota sebagai seorang datuk bandar yang proaktif dan efektif, tetapi juga di seluruh negara, khususnya di kalangan peminat sukan badminton dan bola sepak.

Beliau adalah Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) ketika Malaysia

memenangi kembali Piala Thomas pada 1992, mengalahkan Indonesia pada perlawanan akhir di Stadium Negara. Sehingga kini Piala Thomas belum kembali semula ke Malaysia.

Elyas juga mencatat kecemerlangan selaku Presiden Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA). Pasukan Kuala Lumpur berjaya menjulang Piala Malaysia tiga tahun berturut-turut, iaitu 1987, 1988 dan 1989, satu kejayaan yang sangat membanggakan.

Allahyarham juga memainkan peranan penting dalam kempen negara mendapat hak menjadi tuan rumah Sukan Komanwel sehingga sukan berprestij itu diadakan di bumi Malaysia pada 1998.

Sekalipun sentiasa sibuk dengan tanggungjawab berat sebagai datuk bandar, serta dalam sukan, Elyas melaksanakan tugas dengan baik tanpa mencampur aduk tugas sebagai wali kota dan pentadbir sukan. Malah Allahyarham juga pernah memegang jawatan Pesuruhjaya Sukan.

Dalam kalangan kakitangan DBKL, Elyas dikenali sebagai bos besar yang ramah dan mesra serta mengambil berat hal ehwal orang bawahan. Di kalangan warga kota, dia dikenali sebagai datuk bandar yang efisien serta sentiasa prihatin dengan keperluan dan kehendak warga kota.

Allahyarham dianggap sebagai artikel dan penggerak pembangunan bandara raya sehingga terserlah hebat seperti yang wujud pada hari ini serta terkenal di seluruh dunia. Kemajuan ibu kota dan kesejahteraan

warga kota sentiasa menjadi keutamaan. Kerana itu projek pembangunan ibu kota dirancang dan dilaksanakan dengan teliti untuk memastikan ia memberi manfaat maksimum kepada penduduk.

Pelbagai isu dihadapi warga kota diselesaikan sebaik mungkin. Ini termasuk perumahan awam, pengangkutan awam, pengindahan bandar, settingan dan pelbagai isu lain. Semuanya ditangani dengan cermat dan bijak.

Begini juga di kalangan pemain badminton negara dan pemain bola sepak Kuala Lumpur, Allahyarham dianggap sebagai pentadbir yang baik dan proaktif sehingga mendatangkan kejayaan dalam kedua-dua sukan tersebut.

Walaupun Elyas sudah tiada, jasa bakti Allahyarham tetap dikenang. Justeru usaha DBKL mengadakan teater mengingati Allahyarham ialah bukti berterusan Elyas tetap diingati.

Kawan-kawan Kedai Kopi ucap tahniah kepada DBKL atas usaha yang dilakukan. Semoga jasa bakti Allahyarham akan menjadi inspirasi kepada datuk bandar lain menjadikan Kuala Lumpur terus maju dan makmur serta kesejahteraan warga kota sentiasa terpelihara.

Terowong di Setiawangsa

BERITA baik untuk penduduk

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
Khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

Setiawangsa dan sekitar. Setelah lama tertangguh, pembinaan terowong di Jalan Muhammad Yatim-Jalan Setiawangsa dijadual bermula bulan depan. Pada masa ini kedua-dua jalan tersebut dihubungkan melalui bulatan.

Kawan-kawan Kedai Kopi faham keresahan penduduk sekitar yang mahu terowong itu dibina segera bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, khususnya bagi penduduk Wangsa Maju dan Seri Rampai yang menghadapi masalah terutama ketika waktu puncak.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah pun melantik kontraktor bagi pembinaan terowong berkenaan yang dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh setahun.

Pihak DBKL juga telah memeriksa kawasan pembinaan terowong itu yang sudah lama terbiar dan seterusnya memuktamadkan pembinaan bermula bulan depan. Dalam tempoh itu, lengongan perjalanan akan dilaksanakan di kawasan berkenaan bagi melancarkan lalu lintas. Kawan-kawan Kedai Kopi harap projek akan dilaksanakan menurut jadual tanpa sebarang penangguhan seperti yang berlaku sebelum ini. Pada November 2021 DBKL menyasar pembinaan bermula Februari 2022 namun tidak berlaku. Semoga kali ini berjalan lancar demi kepentingan penduduk setempat.

Royal FLORIA PUTRAJAYA



2022

'FLORIA HEBAT'

FESTIVAL
BUNGA & TAMAN DIRAJA
PUTRAJAYA

Tarikh

29 OGOS 2022 - **4 SEPTEMBER 2022**

Masa

9.00 AM - 10.00 PM

Tempat

ANJUNG FLORIA, PRESINT 4, PUTRAJAYA

© 03 8887 7136

f putrajaya
t putrajayacorp

perbadananputrajaya
Anjung Floria Putrajaya

Hidup bukan pertandingan



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

ORANG tua-tua selalu berpesan, kerak tidak boleh lebih besar daripada periuk. Generasi silam kita memang amat bijaksana untuk memahamkan generasi dengan perlambangan yang mudah. Dengan harapan menyimpannya sebagai pengajaran untuk generasi akan datang.

Dalam budaya Melayu, periuk adalah peralatan wajib dalam kehidupan. Semua orang tahu dan kenal periuk. Maka mudahlah untuk memahami apabila digandingkan periuk dan kerak nasi.

Peribahasa ini membawa maksud jangan berbelanja lebih daripada pendapatan. Ini adalah prinsip asas ekonomi yang mengelakkan orang tua-tua kita terperangkap krisis kewangan. Jangan fikir mereka tidak cakna hal-hal ekonomi.

Walaupun begitu mengawal kehendak berbelanja pada hal-hal kurang utama bukan suatu yang mudah. Ada sahaja alasan yang diberikan kepada diri sendiri untuk mewajarkan tindakan itu.

Inilah antara cabaran besar dalam kehidupan di kota seperti Kuala Lumpur. Tempat untuk berbelanja besar ada di mana-mana. Semakin maju sesbuah kota semakin bermaharajalela para kapitalis yang menjerat warga dengan propaganda konsumerisme.

Kalau tinggal di kampung atau di luar bandar besar, cabarannya agak kurang kerana tidak banyak yang memperagakan kehidupan mewah dan bergaya.

Ini disebabkan sosioekonomi di luar bandar tidak berjurang. Taraf kehidupan lebih kurang sama antara satu dengan lain.

Bagaimanapun hal ini berbeza dengan Kuala Lumpur yang dihuni oleh warga yang pelbagai lapis kedudukan sosioekonominya. Jurang antara satu lapis dengan lapis yang lain begitu luas. Antara yang paling tinggi dan yang bawah seperti langit dengan bumi. Tentulah menjadi masalah kalau ada yang di bawah berimpian hidup seperti yang paling atas.

Maka muncul lah pegangan hidup songsang, biar papa asal bergaya. Ini amat bertentangan dengan prinsip ekonomi kerak nasi dan periuk yang menjadi pegangan orang tua-tua kita.

Pernah suatu ketika menumpang



PEGANGAN hidup biar papa asal bergaya akan membawa keruntuhan yang lebih besar kerana menjadikan kerak lebih besar daripada periuk.

kereta seorang kawan, beliau bertanya tentang jenis kereta yang selesa dipandu? Saya tidak tahu maksud sebenar pertanyaan itu. Saya pun tidak menjawab pertanyaan itu secara langsung, tetapi menyimpang pada maksud yang lain.

Kata saya, "Kereta yang paling selesa dipandu tentulah kereta yang sudah tidak ada hutang dengan bank."

Kawan saya tiba-tiba sahaja ketawa berdekah-dekah dan saya dengan serius bertanya, "Salahkah jawapan aku tadi?"

Beliau berkata, "Walaupun kau tidak menjawab pertanyaan aku, tetapi jawapan itu sangat tepat. Sangat masuk akal. Memang tidak selesa memandu kereta kepunyaanku."

Saya selalu percaya dengan prinsip ekonomi kerak nasi dan periuk. Disebabkan 'periuk' saya kecil, maka saya sentiasa memastikan yang kerak nasi juga tidak menjadi lebih besar daripada periuk.

Kini ketika kawan-kawan membeli kereta mewah, saya hanya menggunakan kereta murah yang mampu bayar. Ada orang menganggap kereta mewah adalah tanda kepuasan selepas penat lelah bekerja. Tetapi bagi saya kereta adalah kereta yang membawa saya bergerak ke sana dan ke sini.

Dulu, selepas 10 tahun bekerja di Kuala Lumpur pun saya hanya menunggang motor kapcai. Terpakalah berpanas dan berhujan mengikut keadaan cuaca di Kuala Lumpur yang sukar dijangka.

Sedangkan banyak juga kawan yang dulunya menunggang kapcai sudah mempunyai kereta.

Saya percaya keadaan ekonomi

“Inilah antara cabaran besar dalam kehidupan di kota seperti Kuala Lumpur. Tempat untuk berbelanja besar ada di mana-mana. Semakin maju sesebuah kota semakin bermaharajalela para kapitalis yang menjerat warga dengan propaganda konsumerisme.”

kami tidak sama. Saya menerima hakikat dan rela bersusah-susah kerana tidak berkemampuan.

Keinginan untuk berkereta memang ada, tetapi masih memikirkan hal-hal yang lebih utama – belanja keluarga dan ansur rumah.

Kalau hanya mampu menunggang kapcai, tidak perlulah saya berasa terpaksa atau terseksa. Apabila kita melakukan sesuatu dengan penuh sedar, tidak ada rasa yang membebankan. Malah tidak terasa kurang bernasib baik hanya kerana masih menunggang kapcai.

Di Kuala Lumpur kalau kita mengikut rentak orang lain, akhirnya memang tidak terikut. Kita tidak tahu kemampuan orang lain yang membolehkan mereka memiliki sesuatu yang lebih berbanding kita. Tetapi kita sangat arif dan faham dengan kemampuan sendiri.

Walaupun begitu, memang ada juga yang rasa ketinggalan sekiranya tidak sama dengan jiran tetangga, kawan-kawan apa lagi rakan sepejabat. Maka apabila orang membeli kereta baharu, kita juga seolah-olah didesak untuk berbuat demikian.

Pegangan hidup biar papa asal bergaya akan membawa keruntuhan yang lebih besar kerana menjadikan kerak lebih besar daripada periuk.

Orang lain melihat kita bergaya dengan percuma, tetapi kita pula tidak boleh bergaya dengan percuma.

Sebenarnya persepsi tidak memiliki sesuatu yang mahal dan mewah itu satu kekurangan itu bertolak daripada sikap kita sendiri.

Bukan disebabkan oleh sikap orang lain. Apabila kita pantas mengukur orang lain dengan kebendaan, maka kebendaan juga yang membuatkan kita tersebut apabila tidak memiliki.

Saya pernah mewawancara bilionaire Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary pada tahun 2007. Antara yang diungkapkan adalah perihal kebendaan yang sedikit pun tidak menarik tumpuan beliau.

Kata beliau, kalau memiliki sepuluh kereta sekalipun, pada satu masa hanya menggunakan satu kereta sahaja. Kalau ada rumah yang berbelas bilik sekalipun, satu masa kita hanya tidur dalam satu bilik sahaja. Lalu apakah bezanya dengan orang lain?

Walaupun harta kekayaannya didekah oleh majalah Forbes, tetapi beliau tidak pernah mendedahkan gaya hidupnya kepada umum.

Kuala Lumpur dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat. Mereka melakukan berbagai-bagai kerja, daripada yang paling tinggi hingga serendah-rendahnya.

Daripada yang berpendapatan hampir sejuta sebulan hingga

yang tidak capai pun tahap gaji minimum RM1,500.

Menurut statistik, tidak kurang 30,000 ketua isi rumah di Kuala Lumpur berada di bawah garis miskin bandar.

Tanda aras miskin bandar yang terkini adalah pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,200 sebulan. Bayangkan kalau pendapatan ketua isi rumah hanya di peringkat gaji minimum.

Walaupun begitu, demikianlah hakikat kehidupan. Ia merupakan suatu yang sangat berwarna-warni, berlapis-lapis antara kaya dan miskin.

Dalam masa yang kaya dengan kehidupan mewahnya, golongan tidak berkemampuan pula terpaksa kais pagi yang tidak dapat menampung makan malamnya.

Kesimpulannya hidup ini bukan sebuah pertandingan. Ia satu perlumbaan yang tidak pernah berakhir. Berlumba dalam menimba ilmu dan pengalaman sebanyak mungkin.

Berlumba untuk menjadi lebih baik berbanding masa lalu. Malah berlumba untuk tidak mudah tewas dengan silau kebendaan.

Maka berhentilah daripada berasa rendah diri yang tidak kena pada tempatnya.



GENGAMAN MERDEKA II

kucari merdeka,
di norma dan budaya
tidak kujumpa ketamadunan
kucari merdeka,
pada kesantunan bahasa
tidak kujumpa jiwa bangsa.

(kucari merdeka,
dari sisu aliran puing peradaban
- tidak kujumpa apa-apa di
muara.)

kucari di serata-rata,
tidak kujumpa hakikat merdeka
apakah merdeka di asap dupa
altar semahan dewa kayangan
apakah merdeka ditelan kabut
menjadi entiti bergantayangan.

(dilayur anasir hitam jelaga
usah merdeka mengungsi raga;
terlepas dari gengaman jiwa.)

Ibnu Din Assingkiri
Simpang Ampat, Pulau Pinang

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Gangguan politik rumitkan tugas DBKL?

GANGGUAN politik. Ini antara dugaan utama dihadapi oleh penguasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan, khususnya merobohkan sambungan atau ubah suai haram bangunan perniagaan atau kawasan kediaman.

Memetik laporan sebuah media utama, kebanyakan kes ini berlaku melibatkan pengubhsuaian haram unit komersial seperti restoran. Apabila tugas hendak merobohkan sambungan haram hendak dijalankan, ada sahaja ahli politik yang mahu ia dihentikan. Situsasi ini merumitkan tugas DBKL.

Adi dapat jangka gangguan ahli politik ini sudah lama berlaku namun belum atau jarang dinyatakan secara terbuka sebelum ini. Justeru pendedahan yang dilaporkan dalam media baru-baru ini dianggap kemuncak kekecewaan.

Lebih menarik, kekecewaan ini bukan sahaja didedahkan oleh anggota penguat kuasa, malah seorang bekas datuk bandar mengakui kecewa dengan pelbagai gangguan dalam tugas penguatkuasaan.

Beliau mendedahkan sering kali menghadapi tekanan untuk tidak mengganggu orang-orang tertentu yang telah melanggar undang-undang kecil pembinaan. Pelanggaran undang-undang ini perlu diambil tindakan kerana jika dibiarkan seorang melakukannya, ia akan menjadi ikutan yang lain. Akhirnya masalah menjadi lebih berat.

Bagi Adi, pendedahan ini menampakkan pihak DBKL sudah sangat rimas dengan apa yang berlaku. Ia mahu umum mengetahui dan memahami masalah serta kekangan yang dihadapi oleh penguat kuasa apabila hendak menjalankan tugas penguatkuasaan.

Adakala gangguan berlaku di saat akhir ketika mereka hendak melaksanakan kerja. Ketika itu penguat kuasa sudah berada di lapangan, surat kebenaran Pejabat Pengaruh Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) di dalam tangan, polis juga hadir mengawasi. Tiba-tiba panggilan diterima daripada ahli politik yang mahu kerja tersebut dihentikan.

Ini tentu sangat mengecewakan kerana penguat kuasa berhak melakukan kerja merobohkan sambungan haram di tempat dan pada masa berkenaan berdasarkan Akta Bangunan, Saliran dan Jalan 1974. Namun ada sahaja ahli politik cuba menghalang tindakan, membelakangkan akta ini.

Adi difahamkan, masalah bermula seawal waktu pemilik bangunan menerima notis amaran kerana melakukan pengubhsuaian haram. Pemilik



PENGUAT kuasa berhak melakukan kerja merobohkan sambungan haram berdasarkan Akta Bangunan, Saliran dan Jalan 1974 namun campur tangan politik menyukarkan tindakan diambil.

akan merayu agar tidak diambil tindakan dengan menyertakan surat sokongan daripada ahli politik untuk menghentikan tindakan penguatkuasaan.

Akibatnya, tindakan ditangguhkan. Sebaliknya pengubhsuaian haram berterusan dan bertambah besar serta luas sehingga mendatangkan masalah pula kepada DBKL untuk bertindak. Setiap kali hendak dimusnah, setiap kali itu juga ada bantahan ahli politik, tidak kiralah daripada parti mana.

Sikap ahli politik ini menjadikan pemilim premis perniagaan bermaharajalela. Mereka menjadi pelindung sehingga ada kes pemilim perniagaan yang membuat sambungan haram di atas tanah rizab milik kerajaan.

Pada Adi, perbuatan ahli politik ini sangat tidak wajar kerana mereka menganggu tugas penjawat awam sehingga menghalang mereka menjalankan tugas yang diamanahkan di atas bahu penjawat awam tersebut. Hormatilah mereka yang hanya menjalankan tugas.

Kerap kali orang ramai merungut jika pihak berkuasa tidak melaksanakan tugas seperti

sepatusnya, terutama dalam isu penguatkuasaan. Tetapi apabila mereka melaksanakan ada pula campur tangan.

Apabila bekas datuk bandar sendiri mendedahkan masalah dihadapi DBKL ini, ia membuktikan masalah gangguan ini telah mencapai satu tahap yang serius. Gangguan politik melampau menyebabkan DBKL tidak dapat menjalankan tanggung jawab dengan berkesan seperti diharapkan.

Pimpinan politik perlu sedar perlakuan mereka boleh menganggu kelancaran sistem pentadbiran dan penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan. Jika tugas ini gagal dilaksana, orang ramai akan menudung jari kepada DBKL.

Justeru apa urusan dan keperluan ahli politik mencampuri pentadbiran DBKL? Tumpukan sahaja kepada politik. Jangan ceroboh bidang kuasa orang lain.

Jika ahli politik hendak mencampuri urusan DBKL, ia biarlah atas tujuan baik. Misalnya menyokong penduduk mendapatkan kemudahan tertentu seperti rumah, padang permainan, kemudahan rekreasi dan sebagainya.

SKETSA



“Kerap kali orang ramai merungut jika pihak berkuasa tidak melaksanakan tugas sepatusnya, terutama dalam isu penguatkuasaan. Tetapi apabila mereka melaksanakan ada pula campur tangan.

Jangan gunakan pengaruh politik untuk sebab yang tidak betul dengan melindungi mereka yang melakukan kesalahan. Sebaliknya, ahli politik ini sepatusnya menasihati mereka yang melanggar undang-undang dengan membuat sambungan haram kepada bangunan, atau membuat ubah suai tanpa kelulusan, agar menghentikan perbuatan tersebut.

Usahlah dibantu mereka untuk lari daripada tindakan pihak berkuasa kerana ini memberi mesej yang salah. Seolah-olahnya ahli politik ini menyokong perbuatan salah mereka. Perbuatan ini mesti dihentikan. Biarkan kakitangan awam menjalankan tugas tanpa gangguan.

Janganlah untuk menjaga kepentingan politik dan menjaga hati yang meminta bantuan, maka sanggup bersekongkol dengan mereka yang melakukan kesalahan. Ahli politik mesti menunjukkan contoh teladan yang baik.

Adi juga berharap pihak DBKL tidak lagi mudah tunduk kepada tekanan politik dalam melaksanakan tanggungjawab. Laksanakanlah amanah tanpa rasa takut dan pilih kasih. Mesti berani bercakap ‘tidak’ kepada ahli politik yang menganggu tugas.

Adi—Sokong tindakan DBKL

LALUAN KAKI DI JALAN TAR

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang menutup sebahagian Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) setiap hari Ahad dari pukul 6 pagi hingga 12 tengah malam, mulai 28 September. Sepanjang tempoh tersebut tiada kenderaan dibenarkan melaluiinya.

Memetik Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, langkah itu bertujuan membudayakan amalan berjalan kaki di kalangan warga kota. Laluan yang akan ditutup ialah dari simpang Jalan Esfahan (bersebelahan pusat beli-belah Sogo) sehingga simpang Jalan Tun Perak.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga akan mengkaji cadangan sama, melibatkan persimpangan Jalan Pudu hingga ke persimpangan Jalan Bukit Bintang.

Bagi Adi, menyediakan laluan khusus untuk pejalan kaki memang baik. Cuma Adi agak bimbang kesannya terhadap pergerakan lalu

lintas di ibu kota kerana Jalan TAR adalah antara jalan utama paling sibuk di ibu negara.

Selama ini pun, dengan laluan dibuka, kesesakan di jalan tersebut hampir saban masa berlaku, khususnya ketika waktu puncak. Tambahan lagi, kawasan Jalan TAR sering menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli belah atau menjamu selera.

Kerana itu Adi bimbang penutupan laluan berkenaan sehingga 18 jam dari awal pagi sehingga tengah malam setiap Ahad akan memburukkan kesesakan di tengah-tengah ibu kota itu. Sudah tentu apabila Jalan TAR ditutup, laluan akan dilengcong melalui jalan lain. Akan berlaku pula kesesakan di kawasan jalan tersebut.

Begitu juga Jalan Pudu dan Jalan Bukit Bintang ialah laluan sibuk. Penutupan jalan berkenaan akan menyebabkan kesesakan di sekeliling, serta pergerakan trafik tidak lancar kerana Jalan TAR juga ditutup. Kedudukan jalan-jalan ini tidak jauh antara satu sama lain.

Jika DBKL meneruskan hasrat penutupan jalan seperti dirancang, Adi berharap ia telah menyediakan pelan kontingen mengatasi masalah berbangkit, khususnya kesesakan lalu lintas. Mungkin sudah ada perancangan penyuraian trafik apabila rancangan itu bermula nanti.

Apa pun, tidak mengapa untuk DBKL menjalankan proses percubaan penutupan jalan untuk mendapat gambaran lebih baik. Jika didapati tidak bermasalah boleh teruskan sahaja.

Pada peringkat awal mungkin ada kelam kabut. Namun apabila sudah biasa dan orang ramai menerima, keadaan akan menjadi lebih lancar dan sebat.

Adi—Teringat Globe Silk Store

Adi Feah

SAJAK

KOPI MERDEKA

31 Ogos mengucap rindu
membelai sebuah cawan
serbuk terendam
pasir mencair
bibir mencium cinta
meraikan pembebasan

Kopinya sudah larut
wanginya dibawa pawana
hangatnya kian malam
manisnya tetap melengkung
menjadi bianglala
tiap rasa kemerdekaan tergaul
indah bersama kemakmuran.

A.Affendi0937@Lekir
Lake view home

Bantu proses pemulihan warga emas

YWP sumbang katil hospital

HAZIRAH HALIM

PERASAAN sebak dan terharu menyelubungi anak kepada pesara kerajaan, Mohamed Amin Bawai, 84, yang menerima sumbangan katil hospital daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), di Taman Melati, baru-baru ini.

Rosfarina Mohamed Amin, 54, berkata dia bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutamanya YWP, Persatuan Penduduk dan UMNO bahagian Wangsa Maju kerana meringankan beban bapanya.

"Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak terutama Tuan Haji Ibrahim kerana beliau yang menghubungkan kami dengan pihak YWP setelah mengetahui keadaan abah yang amat memerlukan katil hospital untuk memudahkan pergerakannya.

"Bantuan katil ini sememangnya membantu proses pemulihan abah yang tidak dapat bergerak selepas jatuh tergelincir di dapur sehingga patah peha kanan dan memerlukan

kan bantuan dalam menguruskan keperluan dirinya," katanya kepada **Wilayahku**.

Berkongsi tentang keadaan bapanya, Rosfarina berkata selain menanggung kesakitan patah peha kanan, bapanya juga menghidap penyakit kencing manis kronik, komplikasi buah pinggang serta merupakan bekas pesakit jantung.

"13 tahun lalu abah bertarung dengan penyakit jantung tetapi *Alhamdulillah* sudah pulih dengan ubat-ubatan sahaja tanpa melalukan sebarang intervensi pembedahan. Selepas itu, abah menghidap kencing manis kronik. Jika tidak mengawal pemakanan, dia perlu menjalani dialisis.

"Setelah merujuk dengan pakar-pakar berkaitan jantung dan buah pinggang, risiko untuk abah menjalani pembedahan membetulkan tulang peha yang patah itu amat tinggi. Oleh itu, atas saranan doktor abah dibenarkan untuk menjalani pemulihan di rumah," kata anak bongsu daripada dua beradik ini.

Malah Rosfarina juga terpaksa



MOHD Shafie Abdullah (kanan) meluangkan masa melihat keadaan Mohamed Amin sejurus menyampaikan sumbangan katil di Taman Melati baru-baru ini.

berhenti kerja sebagai kakitangan pentadbiran kerana perlu memberikan sepenuh perhatian kepada bapanya memandangkan kakaknya menetap di Shah Alam dan ibunya pula telah meninggal dunia pada tahun lepas akibat COVID-19.

"Saya tinggal berdua sahaja dengan abah di sini, segala keperluan seperti makan, mandi dan

sebagainya saya yang uruskan. Pada awalnya saya juga bimbang dengan pendapatan keluarga terutama untuk kos perubatan abah, makanan dan sebagainya tetapi mujurlah abah ada pencegah ketika berkhidmat sebagai bekas sukarelawan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Kami turut dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Masjid Salahuddin

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

Al-Ayyubi Taman Melati yang mendermakan wang tunai sebanyak RM2,000 beserta empat beg lampin pakai buang selain pihak Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang memberikan dua beg lampin pakai buang dan wang tunai," katanya.

Terdahulu, sumbangan katil hospital disampaikan oleh Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju, Datuk Seri Dr Mohd Shafie Abdullah bersama Eksekutif Kanan Pusat Pemeriksaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM), Mohd Farhan Azhari yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun serta beberapa ahli barisan kepimpinan. **WK**

Media sosial medium utama bantu warga kota

DEEL ANJER

DEMI kesejahteraan rakyat, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa memperluaskan maklumat tepat dan sahih mengenai bantuan serta pelaksanaan dasar-dasar baharu kerajaan.



Pembantu Tadbir Multimedia Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Muhammad Ariff Noor Azman Shah**, 25, melihat penyampaian maklumat yang tepat dan pantas memberi banyak manfaat kepada masyarakat terutamanya mereka yang memerlukan.

"Kalau dulu media seperti televisyen, radio dan surat khabar menjadi medium penting, namun kini semuanya boleh dilakukan hanya menggunakan telefon bimbit.

"Begini juga dengan YWP yang tidak ketinggalan mengikuti arus teknologi agar maklumat sahih dapat disampaikan dengan pantas dan mudah dicapai oleh masyarakat khususnya warga Kuala Lumpur," ujarnya.

Katanya bagi memudahkan penyampaian maklumat tentang apa yang ditawarkan oleh YWP, media sosial adalah medium komunikasi penting yang digunakan ketika ini.

"Selain media sosial, kita juga tidak ketinggalan menggunakan media cetak dan elektronik dalam sebaran maklumat kepada warga ibu kota," ujarnya lagi.

Dalam masa yang sama, Ariff tidak menafikan bahawa penyediaan foto dan infografik sangat



ARIFF (dua kanan) ketika bertugas mengendalikan teknikal dalam sesi temu bual bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (tiga kiri).

berkait rapat dengan keberkesanan penyampaian maklumat kepada masyarakat kerana ia lebih ringkas dan mudah difahami.

"Selain menyampaikan maklumat di media sosial, saya

jugalah ditugaskan mengambil gambar yang tepat dan sesuai. Ini kerana sekeping gambar itu boleh menceritakan serta menggambarkan kehidupan dan realiti masyarakat," ujarnya. **WK**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (*Wilayahku*)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok: *yayasanwp*

30 anak yatim dari utara dirai YWP ketika sesi lawatan ke Kuala Lumpur

RAI. Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) meraih kunjungan anak-anak yatim dari Rumah Anak Yatim Amal Solehah Pendang (RAYAS), Kedah ke Rumah Prihatin@Grand Seasons baru-baru ini.

Kedatangan mereka disambut mesra oleh kakitangan dan sukarelawan YWP bagi pihak

menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang juga merangkap Penggerusi YWP.

Dalam kunjungan tersebut, kira-kira 30 orang anak yatim diraikan dengan majlis makan selain diberi wang poket.

Tidak ketinggalan juga mereka turut diberi peluang

untuk memilih permainan kesukaan dari ToyBank Prihatin.

Di akhir majlis, anak-anak yatim dan guru pengiring turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada YWP kerana memberi layanan terbaik dan berharap akan berpeluang kembali lagi pada masa hadapan.

WK



ANAK-ANAK yatim bergambar sejurus memilih permainan kesukaan masing-masing di Rumah Prihatin@Grand Seasons baru-baru ini.

REALITI KEHIDUPAN



Wilayah Ku

Putrajaya Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi

PUTRAJAYA merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang dilancarkan penubuhannya pada 29 Ogos 1995 dan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 1 Februari 2021.

Keunikan konsep pembangunannya yang disulami dengan kelestarian alam sekitar, kemegahan seni reka bentuk bangunan dan

infrastruktur berkelas dunia sebagai destinasi pelancongan dan pusat penganjuran pelbagai acara bertaraf antarabangsa.

Terus mengelap kejayaan, terkini ia berada di tangga teratas sebagai Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi 2021.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





Putrajaya kekal sejahtera



AINI MAWAWI

DARI MUKA 9

PUTRAJAYA terus membangun bertransformasi成 sebuah Bandar Hijau yang bersemangat dan bertenaga, unggul serta saling berhubung selari dengan wawasan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 dan visi Perbadanan Putrajaya (PPj) 2025 ke arah Putrajaya Bandaraya Mampan Bertaraf Dunia.

Pelbagai anugerah telah diraih saban tahun antaranya muncul sebagai Bandar Mampan Malaysia 2021 dan terbaharu, Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi berdasarkan Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan iDAM sebagai

satu kaedah pengukuran berimpak tinggi bagi mengukur tahap daya huni di peringkat Pihak Berkuastra Tempatan (PBT).

Ia berdasarkan enam kriteria utama iaitu ekonomi makmur dan berdaya saing; kualiti persekitaran mampan dan selamat; komuniti sejahtera; guna tanah dan penggunaan sumber yang berkesan; infrastruktur asas berkualiti dan tadbir urus bandar yang efisien.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya, TPr Norzita Abdul Razak, sejak dari awal perancangan pembangunan Putrajaya, semua kriteria indeks daya huni telah dititikberatkan.

“Alhamdulillah di atas pencapaian anugerah yang diperolehi. Melalui pelan pembangunan yang komprehensif seperti Rancangan Struktur Putrajaya 2025 juga kita telah mempunyai semua dasar yang

selaras dengan indeks daya huni.

“Bagi mengekalkan kemampuan, semua prinsip pembangunan mampan telah diterapkan dari segi pengurusan guna tanah, alam sekitar dan perkhidmatan komuniti,” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, *Putrajaya Smart City Blueprint* yang dilancarkan pada tahun 2018, kini menumpukan fokus pelaksanaan 93 inisiatif memantapkan sistem pentadbiran Putrajaya dengan penggunaan IoT (*Internet of Things*) untuk kecekapan pentadbiran bandar menerusi teknologi digital.

“Usaha diteruskan dalam merealisasikan Pelan Tindakan Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya yang bermula sejak tahun 2012. Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya juga memandu



NORZITA

arah bagi meningkatkan lagi jaringan industri PPj dengan komuniti dan semua warga Putrajaya serta menyasarkan persekitaran komuniti Putrajaya dan menerapkan nilai-nilai murni komuniti Putrajaya.

“Dalam memantapkan ekonomi Putrajaya selain fungsi utama sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, kini pelancongan juga akan dijadikan penggerak ekonomi di Wilayah Putrajaya.

“Dengan keindahan Putrajaya, kemudahan sukan air dan taman-taman awam Putrajaya akan meletakkan Putrajaya sebagai salah satu destinasi eko pelancongan dan bandar sukan dan rekreasi yang mana taman-taman awam Putrajaya juga merupakan sumber riadah,” ujar beliau.

Jelas Norzita lagi, Putrajaya juga

semakin popular sebagai destinasi struktur ikonik dan pencahayaan serta pelancongan acara utama iaitu Floria Diraja Putrajaya, LAMPU dan juga destinasi ‘bird watch’ yang berpotensi untuk Avi Tourism.

“PPj juga sedang menyiapkan Deraf Blueprint Pelan Strategik Putrajaya 2032 ke arah menjadikan Putrajaya destinasi pelancongan yang inklusif dan mampan,” kata beliau.

Mengulas tentang kejayaan berada di tahap pertama Bandar Berdaya Huni Malaysia, beliau berkata, usaha dan inisiatif akan dipertingkatkan terutama dalam aspek urus tadbir bandar dan semua aspek pengurusan perbandaran.

“Ini bagi memastikan semua indikator daya huni bandar terus dipatuhi dan dicapai. PPj juga sedang memberi fokus terhadap usaha kebersihan bandar raya dengan Program Putrajaya Go BeST (Putrajaya bersih setiap tempat),” kata beliau lagi. **WK**



PELANCONGAN menjadi antara penggerak ekonomi Putrajaya dengan estetika senibina dan kelestarian alam semula jadinya.



Bersaing secara sihat



SENARAI PENERIMA ANUGERAH BANDAR BERDAYA HUNI TAHP TERTINGGI

1. Perbadanan Putrajaya
2. Majlis Perbandaran Kajang
3. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
4. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
5. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
6. Majlis Daerah Kampar
7. Majlis Daerah Kerian
8. Majlis Bandaraya Subang Jaya
9. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
10. Majlis Daerah Rembau

PUTRAJAYA mencatatkan rekod melebihi skor 95 peratus dan ke atas selain menepati enam kriteria Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) sehingga berjaya dinobatkan sebagai io Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi di Malaysia

Menurut Ketua Pengarah PLANMalaysia, TPr Dr Alias Rameli, penilaian iDAM tahun 2021 melibatkan lima tier indeks iaitu Berdaya Huni Tahap Tertinggi, Berdaya Huni Tahap Tinggi, Berdaya Huni, Berdaya Huni Tahap Sederhana dan Berdaya Huni Tahap Rendah.

“Di kesempatan ini, saya ingin



ALIAS

mengucapkan syabas dan tahniah kepada io buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dinobatkan sebagai io kawasan pentadbiran PBT Berdaya Huni Tahap Tertinggi.

“Pengukuran ini bersifat dinamik dan diharapkan akan menjadi persaingan sihat kepada semua pihak

berkepentingan untuk memastikan setiap kawasan PBT dapat meningkatkan tahap daya huninya,” ujar beliau.

Dalam masa yang sama, beliau turut memberi saranan kepada semua PBT untuk mengenal pasti indikator yang rendah dan mencari jalan penyelesaian dengan menetapkan sasaran tertentu bagi

menambah baik atau memperbaiki keputusan.

“Antaranya mengadakan kolaborasi dengan agensi terlibat atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk mempelbagaikan langkah tindakan segera kerana langkah ini sangat membantu.

“Bukan itu sahaja, PBT juga perlu menjadikan keputusan iDAM ini sebagai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dengan penyediaan bajet tertentu untuk pelaksanaan selain membuat pemantauan secara berkala pencapaian iDAM mengikut kriteria di peringkat PBT bersama agensi pembekal data,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, perlu sentiasa proaktif dan sentiasa kreatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. **WK**

KHAIRUL NAZMI

SITI SARAH

“PADA pendapat saya, dari segi fasiliti, kemudahan parkir di kawasan-kawasan awam perlulah ditambah bagi mengurangkan kejadian ‘illegal parking’ dan ‘double parking’. Hal ini kerana ingin mengelakkan sebarang kesesakan, kemalangan serta perkara yang tidak diingini berlaku.”

KHAIRUL NAZMI, 25
Penjawat Awam

“DARI segi harga barang, diharapkan dapat dipantau secara berkala supaya warga Putrajaya dapat menikmati harga yang berpatutan seterusnya membantu penduduk yang tidak berkemampuan untuk menjalani hidup lebih bermakna.”

SITI SARAH HANIM ABD LATIF, 23
Pelajar

“TIDAK kira di mana pun kita tinggal, kenaikan gaji adalah wajar oleh kerana kos sara hidup yang semakin meningkat. Tidak bermakna kita tinggal di kawasan berdaya huni, kita tidak berbelanja di luar kawasan.”

AHMAD TAMIZI NGAH, 45
Pembantu Tadbir





MENTERI WP, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim meluangkan masa menyaksikan seterusnya menyampaikan hadiah Grand Final Kejohanan Futsal Piala Menteri WP 2022 dan turut menyerahkan Bantuan Pentadbiran kepada Persatuan Sukan WP Labuan pada Sabtu lalu.

MENTERI WP, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyampaikan Sumbangan Buku Rujukan kepada Pelajar Tingkatan 6 di SMK Labuan bernilai RM20,000 serta sumbangan wang tunai sebanyak RM50 kepada semua pelajar.

KETUA Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk ZaiZalnizam Zainun menerima Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik dalam Pembangunan Bandar anjuran Malaysia Best Business Award bagi tahun 2022.

KETUA Pegawai Eksekutif Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur, Radzuan Razali (depan, tiga kiri) bersama 35 orang peserta yang menyertai Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (USEC) pada 20 dan 21 Ogos 2022 lalu.

WARGA Putrajaya hadir dalam Program Keluarga Malaysia Teguh Bersama di MyFarm Outlet, Presint 7 yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor.

Pelakon kacak kaki perempuan, dadah



DEEL ANJER

TERKEJUT Wilayahku apabila dapat tahu seorang pelakon muda kacak rupa-rupanya kaki perempuan. Tak baik tau gunakan 'tiket' itu memperdaya mana-mana wanita.

Bukan itu sahaja, pelakon yang sedang meningkat naik namanya dan kerap juga berlakon di slot drama popular ini, kononnya gemar mengambil barang terlarang. Masa pengambaran pun dia ambil



najis dadah tu. Macam manalah dia berlakon tu ya?

Dengar-dengar krew produksi pun ada nasihatkan dia, tapi tidak dihiraukannya.

Baru-baru ini pula, ada juga dakwaan mengatakan pelakon lelaki itu pernah ditangkap khalwat dengan gadis bawah umur! Mahu atau tidak, terus jadi kes polis dan didakwa atas kesalahan rogol.

Mujurlah dia akhirnya dijamin oleh kawan baiknya yang juga pelakon terkenal. Inilah kawan masa susah katanya.

Bagai jatuh ditimpa tangga, dengarnya isteri pelakon itu juga sudah tidak tahan dan sudah memohon

tuntutan cerai.

Apa-apa pun, diodoakan pelakon ini cepat-cepat bertaubat dan perbetulkan keadaan mana yang sempat. Masih belum terlambat.

Bakat ada, rupa ada, muda lagi. Isteri pun baik. Hargailah semua itu sebelum terlambat ya!

W.K



Sudirman terus dikenang sempena Merdeka

SEMPENA Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-65, Arkib Negara Malaysia (ANM) mengadakan pameran khas bagi mengenang penyanyi legenda Allahyarham Datuk Sudirman Haji Arshad.

Penyanyi yang berasal dari Pahang itu dikenang menerusi Pameran Warisan Sudir: Tribute Kepada Penghibur Nombor 1 Asia bersempena Bulan Kebangsaan di pusat membeli-belah Fahrenheit88 (tingkat dua), Kuala Lumpur.

Allahyarham dipilih kerana semangat patriotik yang dimiliki semasa hayatnya.

Apa yang menarik, replika baju bendera Malaysia terpanjang pernah dipakai oleh Sudirman, kini boleh dilihat secara dekat dan dipamerkan untuk tatapan orang ramai.

Pengarah Bahagian Arkib Negarawan Arkib Negara Malaysia **Hanizah Jonoh** berkata replika baju berukuran 120 meter panjang itu pernah

dipakai penyanyi berkenaan semasa membuat persembahan pada Majlis Penutupan Sukan SEA ke-15 pada 31 Ogos 1989 di Stadium Merdeka.

"Baju asal (bendera Malaysia terpanjang) berada dalam simpanan Arkib Negara namun kurang sesuai untuk dibawa dan dipamerkan kepada umum buat masa ini.

"Jadi pihak Fahrenheit88 membuat satu replika dengan saiz dan material serupa bagi memberi peluang kepada orang ramai melihat baju ikonik ini secara dekat," katanya.

Pameran itu telah dirasmikan baru-baru ini oleh Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang turut berkenan melawat lebih 60 koleksi peribadi penghibur berbakat itu.

Antara koleksi lain yang dipamerkan adalah beberapa baju sebenar yang pernah dipakai ketika membuat persembahan, baju songket semasa sesi fotografi, topi, tanjak serta kulit album.

Dalam masa yang sama, pameran itu juga diharap dapat mengimbau kembali zaman kegemilangan Allahyarham dalam kalangan peminat dan generasi muda serta memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Pameran julung kali itu diadakan bermula Jumaat lepas hingga 30 September ini bersempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-65.



'Catwalk' pegang rokok, Noh Salleh memberontak?

PENYANYI Noh Salleh buat netizen tidak senang duduk apabila 'catwalk' sambil pegang rokok di pentas Minggu Fesyen Kuala Lumpur 2022 (KLFW2022) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pada awal kemunculannya di pentas peragaan, Noh dilihat memegang sebatang rokok yang tidak dinyalakan dalam sebuah video TikTok yang tular.

Vokalis Hujan itu juga dilihat membuat aksi cuba meminta pemilik rokok daripada hadirin yang berada di hadapannya sebelum meneruskan langkah sambil meletakkan rokok tersebut di mulutnya.

Walaupun rokok itu tidak dinyalakan, tapi apa yang dilakukannya bukanlah contoh yang baik kepada orang awam terutamanya anak muda.

Melihat di ruangan komen, ada sesetengah netizen mendakwa Noh Salleh berkelakuan seperti itu seolah-olah 'memberontak' setelah bercerai dengan bekas

isterinya, Mizz Nina.

Apa-apa pun, doakan yang terbaik buat Noh. Sekali silap, pasti ada kesempatan untuk jadi lebih baik.



Tya Arifin elak publisiti murahan, jaga maruah

JIKA ramai pengasas produk gemar melakukan gimik atau publisiti murahan demi meraih populariti, lain pula dengan pelakon dan usahawa **Tya Arifin**.

Tya atau nama sebenarnya Nurtria Wulandari Arifin, 28, yang mengusahakan produk Jamu Mutyara lebih lima tahun ini, lebih mementingkan maruah keluarga.

"Saya mahu berniaga untuk tempoh yang lama, jadi menggunakan jalan pintas seperti membuat kandungan (*content*) tular demi mempromosikan produk bukanlah pilihan saya. Sebaliknya, saya harus memikirkan jenama."

"Sejak dari mula berlakon di Indonesia saya tidak pernah dikaitkan dengan sebarang kontroversi kerana itulah diri saya. Niat berlakon untuk bekerja."

"Begini juga apabila saya bergelar usahawan produk jamu. Jadi,

apa yang peminat lihat di sosial media dan sesi siaran langsung, itulah diri saya yang sebenar. Saya tidak perlu menjadi orang lain demi memperemosikan produk," ujar Tya.

Tambah Tya yang juga isteri kepada Asyraf Khalid dan juga menantu Datuk Seri Siti Nurhaliza itu, tanpa paksaan mana-mana pihak sebagai seorang wanita dia harus bijak membawa serta menjaga maruah diri.

Tya berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan segelintir usahawan yang sanggup melakukan pelbagai perkara termasuk memalukan diri sendiri demi populariti serta tular.

Sementara itu, pelakon popular Anna Jobling telah dilantik sebagai duta pertama produk Mutyara.

Menurut Tya, strategi pihaknya memilih bintang drama Melur Untuk Firdaus itu tepat memandangkan namanya kini sedang hangat bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di Indonesia.



Telefon digodam secara remote, punca wang dalam akaun hilang



AZLAN ZAMBRY

KEHILANGAN wang di dalam akaun simpanan bank CIMB berjumlah RM13,000 dalam tiga transaksi milik seorang pempengaruh yang juga Pakar Perubatan Nefrologi, Dr Rafidah Abdullah mencetuskan kegemparan dalam negara.

Meskipun ia dilihat sebagai faktor kecuaian sendiri, namun ia tidak boleh dipandang ringan bagi mengelakkan kejadian jenayah siber seumpama ini berlaku pada masa depan.

Kejadian jenayah ini merupakan antara kes melibatkan penipuan yang banyak direkodkan sehingga membabitkan kerugian jutaan ringgit dan ia sukar diperolehi semula.

Polis Diraja Malaysia merekodkan sebanyak 71,000 kes jenayah komersial antara tahun 2020 hingga Mei 2022 dan 68 peratus berpunca dari penipuan dalam talian dengan kerugian yang direkodkan lebih RM5.2 bilion.

Dari Januari hingga Julai tahun ini, sebanyak 11,367 kes atau 61 peratus jenayah siber telah direkodkan dan trend jenayah ini menunjukkan peningkatan daripada 39 peratus kepada 61 peratus dari tahun 2016 hingga Julai 2022.

Jenayah siber ini melibatkan enam jenis penipuan dalam talian iaitu *Macau Scam*, jenayah e-dagang, pinjaman tidak wujud, pelaburan tidak wujud, 419 *scam* atau *love scam*, dan memancing data (*phishing*) dan *e-financial fraud* (penipuan kewangan dalam talian) atau *phishing* pula telah merekodkan sebanyak 543 kes pada tahun ini dengan kerugian sebanyak RM40.5 juta.

Antara teknik yang digunakan *scammer* adalah dengan mewujudkan *app scam* (aplikasi *scam*) yang merupakan satu taktik *phishing* yang digunakan *scammer* untuk mendapatkan nama, kata laluan dan maklumat lain tentang pengguna.

Modus operandi yang biasa digunakan *scammer* ialah iklan-iklan di platform media sosial - *app scam* merekodkan 39 kes melibatkan kerugian RM721,728.69 oleh individu tertentu dari Januari hingga Julai 2022.

Bercakap mengenai perkara itu, Ketua Inovasi Digital, Yayasan Digital Malaysia, **Dr Mohd Fazli Azran Abdul Malek** menjelaskan bahawa punca utama kehilangan wang dalam bank secara dalam talian boleh berlaku tanpa disedari apabila *hacker/scammer* berjaya mendaftarkan telefon kedua untuk



KECUAIAN pengguna siber cenderung menekan pelbagai pautan iklan yang tertera dan mudah percaya kepada arahan-arahan tertentu menyebabkan banyak data peribadi terbocor serta berisiko meningkatkan serangan dan penipuan siber.

kebenaran mendapatkan Kata Laluan Satu Kali (OTP) dan Kod Kebenaran Transaksi (TAC) tanpa disedari oleh pengguna.

Katanya, ini boleh berlaku jika ada pengguna yang terkena pelbagai serangan siber seperti *pishing* (*smear & angler*), *smishing*, *vishing*, *whaling* dan *pharming*.

"Ia juga tidak juga terkecuali jika kita menggunakan khidmat rangkaian internet (*WiFi*) awam dan terkena serangan *Evil Twin* ataupun serangan *Watering Hole* yang mensasarkan organisasi atau individu terkenal.

"Disebabkan pelbagai serangan yang kurang diketahui oleh pengguna dan kesedaran menjaga keselamatan peranti kurang dititikberatkan oleh pengguna, ini menyebabkan pihak *hacker/scammer* mengambil kesempatan untuk melakukan jenayah siber," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

RISIKO LAYARI LAMAN WEB LUCAH

MENJELAS lanjut, ekoran serangan siber yang berlaku, ia bermakna pengguna tidak sedar bahawa talian telefon mudah alih mereka telah berjaya digodam secara 'remote' dan motif utama mereka adalah untuk mendapatkan wang dari pengguna yang lalai dan

tidak sedar mengenai perkara itu untuk meneruskan aktiviti jenayah siber mereka.

Mohd Fazli berkata faktor kehilangan wang boleh berlaku walaupun mangsa menyatakan tidak menerima sebarang TAC/OTP daripada pihak bank kerana ada talian telefon yang lain telah didaftarkan untuk mendapatkan kebenaran TAC/OTP.

"Ini bermakna pengguna tidak akan sedar jika berlaku transaksi wang disebabkan pemindahan berlaku tanpa pengetahuan pengguna.

"Kebiasaannya pengguna jarang melihat dalam aplikasi bank atau *wallet* kerana ada beberapa peranti yang telah didaftarkan dan mendapat kebenaran untuk memasuki aplikasi terbabit seterusnya mendapatkan TAC/OTP," katanya.

Ujarnya bagi mengatasi masalah tersebut, terdapat beberapa langkah

boleh diambil yang mungkin dapat mengurangkan risiko serangan siber sekali gus mengelak wang mereka di dalam akaun bank hilang tiba-tiba.

"Pengguna digalakkan untuk memasang Anti-Virus yang berbayar seperti *Internet Security*, *Total Protection* dan *Premium Security* yang mana ia berfungsi secara masa sebenar dan perlindungan secara menyeluruh untuk peranti (Android,



DR MOHD FAZLI



AHMAD NOORDIN

iOS, Huawei dan PC).

"Mereka juga perlu senantiasa mengemas kini aplikasi terbaru dan *firmware* terbaru dari pengeluar telefon," katanya.

Selain itu, pengguna disarankan untuk kerap memeriksa aplikasi bank/*wallet* mengenai berapa peranti yang telah didaftarkan bagi memastikan hanya peranti utama yang digunakan untuk mendapatkan TAC/OTP.

"Mereka juga dinasihatkan untuk tidak klik pautan link yang dikongsikan dalam media sosial, messenger atau Sistem Pesanan Ringkas (SMS) kerana dalam kebanyakan link tersebut, ia berkemungkinan dari *hacker/scammer*," katanya.

Ujar Mohd Fazli, pengguna juga dinasihatkan agar tidak melayari laman web yang tidak senonoh, lucu, perjudian dan portal yang tiada faedah bagi mengurangkan risiko serangan siber.

"Pengguna turut dinasihatkan untuk tidak memasang aplikasi yang mencurigakan ataupun aplikasi *side load* yang bukan dari *Play Store*, *App Store* atau *App Gallery*.

"Tetapan semua aplikasi yang melibatkan bank/*wallet* perlu diubah menggunakan biometrik dan setiap pembayaran dalam aplikasi perlu mendapatkan kebenaran melalui biometrik sama ada dari imbasan cap jari atau pengecaman wajah bergantung dan ia kepada aplikasi pengeluar," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Fazli menyifatkan dakwaan orang ramai berkaitan pembabitan 'orang dalam' terhadap insiden kehilangan

“Mereka juga dinasihatkan untuk tidak klik pautan link yang dikongsikan dalam media sosial, messenger atau Sistem Pesanan Ringkas (SMS) kerana dalam kebanyakan link tersebut, ia berkemungkinan dari *hacker/scammer*.

wang di dalam akaun tidak dapat dibuktikan berikutnya tiada bukti mengenainya.

Jelasnya, ia masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan seperti itu kerana kebanyakan kes-kes yang dilaporkan adalah di atas kecuaian mangsa sendiri.

KECUAIAN PENGGUNA UNDANG JENAYAH SIBER

SEMENTARA itu, Penasihat Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), **Datuk Ahmad Noordin Ismail** menyarankan kepada pengguna siber untuk sentiasa berhati-hati dalam menekan sebarang iklan yang tertera di dalam setiap laman web yang dilayari.

Katanya, setiap iklan tersebut boleh memberi pautan laman web yang boleh mengelirukan sekali gus mengundang masalah kehilangan wang di dalam akaun seperti yang berlaku sebelum ini.

"Seperti beberapa kes yang dilaporkan, sebarang transaksi pengeluaran wang melalui internet mestilah melalui kata laluan yang telah ditetapkan iaitu TAC dan OTP yang hanya dihantar melalui SMS di nombor yang telah didaftarkan.

"Jika tidak berhati-hati, maka berlaku transaksi dan ia mengundang kerugian kepada pengguna itu sendiri," katanya.

Beliau yang juga bekas Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman menasihatkan kepada orang ramai untuk berhubung terus dengan pihak bank sekiranya terdapat arahan-arahan yang bertentangan seperti meminta nombor pin kad mesin juruwang automatik (ATM) atau apa jua maklumat sulit untuk pengesahan.

"Jika terdapat arahan-arahan seperti itu melalui pautan yang tertera laman web bank, pengguna dinasihat supaya lebih berhati-hati kerana ia mungkin perangkap disebabkan reka bentuk laman web itu mungkin kelihatan sama.

"Pastikan pengguna berhubung dengan pihak bank dan berkomunikasi untuk mengesahkan nya bagi memastikan tidak menjadi mangsa kepada jenayah ini," katanya. **W.K**


INFO MAT TEH IKAN BAKAR

Alamat: Masjid Al-Aqram,
Jalan Keramat, Kampung
Datuk Keramat, Kuala Lumpur

Operasi: Isnin hingga Sabtu (11
pagi hingga 4 petang)

Facebook: Mat Teh Ikan Bakar

Instagram: @
mattehikanbakarkeramat

Telefon: 016-366 3123 / 019-397
9142

Mat Teh Ikan Bakar

Air asam mentua tambat selera pelanggan



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
HAZIRAH HALIM

MERUPAKAN satu-satunya gerai yang menjual ikan bakar di Pasar Datuk Keramat pada tahun 1994, kini Mat Teh Ikan Bakar masih dikenali ramai kerana keistimewaan yang dikekalkan dalam menuanya.

Meskipun sudah berpindah ke gerai baharu selepas tapak asalnya di Pasar Datuk Keramat musnah dalam kebakaran pada Mac tahun lalu, namun ia tidak mematahkan semangat **Kasmawati Ahmad**, 52, dan suami meneruskan perniagaan diusahakannya selama 28 tahun.

Berkongsi tentang keistimewaan Mat Teh Ikan Bakar yang sering diperkatakan, Kasmawati berkata terdapat enam jenis pilihan ikan antaranya kembung, pari, cencaru,



PROSES penyediaan ikan bakar yang unik dengan menggunakan air kunyit disalut dengan daun pisang.

siakap, talapia dan terubuk.

"Kita bakar ikan menggunakan air kunyit selain resipi istimewa air asam yang dicecah dengan ikan merupakan antara faktor utama yang menarik perhatian pelanggan di sini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, berbeza dengan restoran lain, dia juga menggunakan marjerin ketika membakar ikan memandangkan bahan tersebut memiliki rasa lemak sekali gus menjadikan ikan lebih sedap.

"Kita tidak menggunakan sambal untuk disalut pada ikan sebaliknya

bakar menggunakan air kunyit selain disalut dengan daun pisang," ujarnya menjelaskan cara membakar ikan yang dipraktikkan olehnya selama ini.

Ber cerita lanjut tentang keistimewaan air asam yang disediakan, menurutnya pelanggan setia Mat Teh Ikan Bakar sering mengatakan tidak lengkap seandainya menikmati ikan bakar tanpa air asam di gerainya.

"Istimewanya air asam ini terletak pada bahan yang digunakan dan cara pembuatannya. Ia adalah resipi yang diturunkan daripada ibu mentua

saya," ujarnya yang menjelaskan kebiasaan pengunjung menikmati nasi putih bersama ulam, sambal belacan dan sup kaki ayam.

Katanya lagi, pelanggan boleh memilih dua jenis lauk yang terdapat di sini sama ada mahu makan bersama kuah kari ayam atau asam pedas ikan.

"Dari segi harga pula, tidak perlu bimbang kerana harga yang kami tawarkan masih rendah bermula RM10 hingga RM15 sahaja dan ia berbeza-beza mengikut jenis dan saiz ikan."

"Antara ikan yang sering mendapat sambutan adalah ikan pari tetapi kini saya lihat pelanggan sudah pandai makan ikan lain seperti cencaru, terubuk dan talapia," katanya yang mendapat bekalan ikan segar daripada Pasar Borong Selayang.

AIR BUAH ASLI

TIDAK lengkap kiranya menikmati hidangan tanpa minuman. Terdapat pelbagai pilihan air buah asli yang menarik pilihan pengunjung seperti mangga, tembakai, epal dan durian belanda.

"Ia dibuat tanpa menggunakan sebarang pewarna atau perisa tambahan sebaliknya asli daripada buah tersebut," jelasnya.

Berkongsi tentang gelaran Mat Teh Ikan Bakar, Kasmawati berkata nama tersebut adalah gelaran kepada suaminya yang dahulu bekerja sebagai pembancuh teh.

"Mat Teh adalah gelaran bagi 'Mat buat teh' kerana dulu suami saya adalah pembancuh teh, jadi bila orang pesan air, mereka akan cakap begitu kerana tidak tahu nama sebenar suami saya," ujarnya yang berkata nama tersebut kekal sehingga hari ini. **WK**




KASMAWATI melayan pelanggan yang menjamu selera di kedainya.



RUANG makan yang luas, bersih dan selesa.

Semangat patriotisme menepati tuntutan Maqasid Syariah

AMIR HAIDAR
ABDUL SAMADDR MOHD SYUKRI
ZAINAL ABIDIN

2022 bagi negara dan masyarakatnya menghimpunkan dua perayaan yang besar dalam suatu tempoh yang dekat iaitu permulaan bagi tahun baharu Islam dan Hari Kebangsaan atau Kemerdekaan.

Tema tahun baharu Islam atau Ma'l Hijrah bagi tahun 1444H ialah Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran, manakala tema Hari Kebangsaan pula ialah Keluarga Malaysia Teguh Bersama.

Kedua-dua tema tersebut menekankan semangat kekitaan sebagai satu komuniti dalam negara yang bermatlamatkan kehidupan aman, damai dan sejahtera.

Menjelang 65 tahun kemerdekaan negara, rakyat telah membuktikan kepada masyarakat global bahawa keamanan bukanlah suatu perkara yang mustahil dikecapi dalam realiti kehidupan berbilang agama, budaya dan bangsa.

Kejayaan masyarakat negara ini mengekalkan perpaduan dan keamanan dalam satu tempoh masa yang panjang layak dan perlu dijadikan model atau contoh terbaik buat masyarakat dunia.

MALAYSIA SEBAGAI NEGARA ISLAM

PERUNTUKAN Islam sebagai agama bagi persekutuan dan bukan agama rasmi Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan telah membuktikan ketinggian Islam yang diletakkan dalam negara, bahkan wajib diterjemahkan ke dalam kehidupan

‘Kepentingan dan keperluan dalam mencintai tanah air dapat dilihat dengan perbuatan Nabi Ibrahim AS yang berdoa kepada Allah SWT untuk keamanan dan kesejahteraan bumi Makkah.’

seharian.

Aplikasi tuntutan keagamaan yang diterapkan dalam negara menjadikan Malaysia negara ke-18 paling aman di dunia berdasarkan Indeks Keamanan Global (GPI) 2022 mendahului negara Islam yang lain termasuklah negara Arab.

Kejayaan ini dilihat dapat dikecapi kerana masyarakat yang majoritinya Muslim bukan hanya mengamalkan Islam dari segi luarannya seperti pakaian dan ritual keagamaan, namun turut mengaplikasikan ajaran agama dalam aspek kehidupan sehari-hari seperti keperluan untuk menghormati agama lain dan penganutnya selaras dengan Firman Allah SWT Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku” (al-Kafirun:6)

Ajaran Islam menyeru agar tidak berbangga dengan bangsa oleh sebab kemuliaan yang hakiki itu terletak pada takwa.

Penerapan nilai murni secara holistik yang dianjurkan oleh Islam dari aspek tatatertib kehidupan berbilang agama, umur dan bangsa seperti inilah yang telah membawa kepada keamanan negara.

TUNTUTAN PATRIOTISME

SEMANGAT cintakan negara merupakan tuntutan agama bahkan dikatakan oleh sesetengah cendekiawan Islam sebagai sebahagian daripada kesempurnaan iman.

Kepentingan dan keperluan dalam mencintai tanah air dapat dilihat dengan

perbuatan Nabi Ibrahim AS yang berdoa kepada Allah SWT untuk keamanan dan kesejahteraan bumi Makkah.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan (ingatlah, ketika Ibrahim berdoa: ‘Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian’). (Al-Baqarah:126).

Gambaran yang sama ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ketika Baginda terpaksa berhijrah ke Madinah.

Baginda SAW bersabda yang bermaksud: “Engkau wahai Makkah merupakan satu bumi yang baik dan paling aku cintai, kalau sekiranya kaummu (pendudukmu) tidak mengeluarkan aku darimu nescaya aku tidak akan menetap di mana-mana tempat selain daripadamu”. (Riwayat At-Tirmizi).

Penghikayatan manifestasi cinta tanah air para Nabi yang dinyatakan dalam Quran jelas menjadi satu seruan buat ahli masyarakat untuk mencintai negara.

PENGHAYATAN MAQASID SYARIAH

MAQASID Syariah ataupun objektif syarak telah menggariskan kepentingan dalam penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Konsep ini secara jelas mencerminkan bahawa pensyiaran agama ini adalah berteraskan keamanan dan kesejahteraan

sejagat.

Keperluan menjaga nyawa amat dititikberatkan kerana ia merupakan asas penting bagi menjaga agama. Tidak mungkin nyawa dapat dipelihara dalam keadaan negara huru-hara.

Justeru, senario ini jelas menunjukkan bahawa menjaga keamanan negara juga merupakan satu tuntutan agama bertepatan dengan konsep Maqasid Syariah kerana keterlibatannya secara langsung menjamin penjagaan kesemua elemen kehidupan.

Intipati patriotisme di Malaysia dapat dilaksanakan berdasarkan Rukun Negara yang lima iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusailaan.

Asas negara dan dasar agama ini wajib diamalkan kerana kepentingannya dalam memelihara kemaslahatan serta menolak keburukan masyarakat pelbagai latar belakang budaya, bangsa dan agama di perti tercinta ini.

Oleh yang demikian, menjadi kewajipan masyarakat khususnya Muslim dalam menjaga kedaulatan negara daripada segala bentuk ancaman ideologi serta pemikiran dari dalam ataupun luaran terutama dalam era globalisasi yang penuh dengan ledakan teknologi dan maklumat.

PENULIS merupakan Dr Mohd Syukri Zainal Abidin merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, manakala Amir Haidar Abdul Samad adalah Pelajar di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia. Penulis boleh dihubungi di syukri1990@um.edu.my.

Ilmu tiang seri sebuah kemerdekaan



ILMUAN silam dan kontemporari sering membincangkan kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia. Malah ilmu turut berfungsi sebagai kunci sebuah kebebasan dan kemerdekaan. Ilmu telah terbukti berjaya membebaskan minda dari penjajahan sebuah kejahilan yang merupakan faktor keruntuhan sesebuah tamadun. Zaman Arab jahiliah dalam buku-buku sejarah dikatakan sebagai zaman di mana manusia berada dalam kegelapan ilmu ketuhanan sehingga mereka menyembah makanan. Ia rentetan amalan orang-orang Arab jahiliah membina berhala daripada buah kurma dan menyembahnya.

Kedatangan Islam telah membebaskan masyarakat Arab daripada belenggu kejahilan dan menyinari pemikiran mereka dengan ilmu benar tentang konsep ketuhanan. Kepentingan ilmu tergambar dalam wahyu yang pertama diturunkan kepada Baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: Baca dengan nama RabbMu Yang Menciptakan (al-'Alaq: 1). Perintah ini amat tegas

dan menjadi penghulu kepada perintah-perintah yang lain. Kebebasan minda dari penjara kejahilan bermula dengan ilmu pengetahuan yang terpasak bagi tiang seri sebuah kemerdekaan merentas masa dan tempat.

Tiang seri ini memainkan peranan dalam memastikan solidariti dan kelestarian sebuah kemerdekaan bagi diri, keluarga, masyarakat, ummah dan negara. Ilmu yang menjaga akal, emosi, fizikal dan spiritual seorang insan yang selari dengan ajaran Islam. Ilmu dunia dan akhirat. Ilmu yang memperkasakan pembinaan

tamadun ummah dan menjamin kehidupan yang tenang dan menenangkan.

Ketenangan yang menenangkan melahirkan kebahagiaan yang mendorong produktiviti dan kreativiti serta menghasilkan inovasi yang cemerlang dan gemilang. Bak ungkapan dalam bahasa Inggeris: *happy cows produce more milk* yang bermaksud lembu yang gembira akan menghasilkan susu yang lebih banyak. Tuntasnya, ilmu yang benar membenarkan nilai-nilai murni dan akhlak yang mantap akan membawa kepada kebahagiaan

jiwa yang mendorong insan menjadi lebih proaktif.

Kini Malaysia berada dalam keadaan yang aman daripada peperangan fizikal namun mendedaki ‘peperangan’ dari sudut pandang yang berbeza dek tahap ilmu yang tidak seimbang terutamanya dalam pembangunan jati diri bangsa berilmu yang tidak mudah goyah dipengaruhi oleh provokasi nilai-nilai negatif dan merugikan seperti materialistik, individualistik dan sarkastik. Sifat materialistik, individualistik dan sarkastik misalnya bertentangan dengan adab Islam dan akhlak mukmin yang beriman dengan Allah SWT dan hari pembalasan di akhirat. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya*. (Riwayat al-Tirmizi No 1162)

Rasulullah SAW merupakan model akhlak yang baik dan benar sebagaimana perakuan daripada Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud: *Dan sesungguhnya padamu (Wahai Muhammad) akhlak yang sangat-sangat mulia*. (al-Qalam: 4). Sabda Baginda SAW lagi yang bermaksud: *barangsiapa*

yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah menyakiti jirannya, barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan tetamunya, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka bercakaplah yang baik-baik atau diam. (Sahih Al-Bukhari: 75)

Ayah kita semua menyulam adab dan akhlak yang baik dalam pakaian harian bangsa Malaysia agar kekal sebagai suatu cara hidup yang boleh menjamin keharmonian dan kemajuan negara ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang. Bak kata Tun Mahathir suatu ketika dahulu ‘Malaysia Boleh’. Justeru kita tekadkan azam untuk terus fokus menyumbang ke arah pembangunan insan dengan ilmu, amal dan adab pasti kejayaan dalam genggaman semua ahli keluarga Malaysia yang tercinta.

Akhir kalam, kelestarian sebuah kemerdekaan bergantung kepada kualiti ilmu yang membentuk adab yang tinggi, jati diri yang kebal dan merdeka minda dari unsur-unsur yang menjatuhkan ketamadunan insan. Bak ikan di laut walaupun laut itu masin tetapi tidak menembusi isi ikan yang tetap manis.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia.



CHIN BEEK YOKE

SETIAP seorang daripada kita bertanggungjawab atas kewujudan 'superbugs' - jenis-jenis bakteria, parasit, virus dan kulat yang tahan terhadap kebanyakan antibiotik dan pelbagai ubat yang digunakan untuk merawat gejala akibat daripadanya. Namun begitu, kita tidak sedar akan perkara ini. Dekan Bersekutu Fakulti Sains Kesihatan bagi Hal Ehwal Penyelidikan dan Hubungan Luar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Profesor Chin Beek Yoke memberikan pencerahan mengenai 'superbugs' dan berkongsi pengalaman peribadi beliau mengenainya.

'Superbugs' adalah istilah yang dicipta bagi menjelaskan bakteria yang tahan pelbagai ubat (MDR). "Bakteria-bakteria ini berupaya memintas kesan antibiotik, lalu membiak atau membiak secara tidak terkawal dalam perumahnya," jelas Profesor Chin Beek Yoke.

Sama seperti penjahat-penjahat besar dalam karya-karya adiwira, 'superbugs' ini bukanlah tidak boleh dihapuskan, tetapi senjata kita dalam bentuk antibiotik untuk mengalahkannya adalah sangat sedikit.

Biarpun kita biasa mendengar mengenai stafilocokus aureus yang tahan methicillin (MRSA) iaitu sejenis ubat yang tahan jangkitan kuman stafilocokus, adalah penting untuk kita ketahui bahawa 'superbugs' bukanlah sejenis bakteria tertentu sahaja dan mana-mana spesies bakteria boleh tahan antibiotik dan menjadi 'superbugs'. Bakteria salmonella sebagai contoh, adalah jangkitan biasa tetapi amat memudaratkan yang disebabkan makanan dan minuman tercemar; dan penyakit batuk kering (TB) yang tahan ubat.

"Bakteria sangat bijak. Ia mampu bermutasi untuk mengatasi keberkesanan antibiotik. Apabila bakteria mempunyai gen rintangan, ia boleh berganda secara menegak (membiak) atau mendatar, di mana ia bergabung dengan spesies bakteria yang berbeza. Begitulah cara bakteria menyebarkan ciri rintangan pelbagai ubatnya secara semula jadi," terang Profesor Chin.

MENJADI SIA-SIA

"BEBERAPA penyebab utama yang menyebabkan 'superbugs' semakin berleluasa adalah terlalu banyak preskripsi dan pemberian antibiotik yang tidak perlu atas alasan selain jangkitan bakteria, penggunaan antibiotik yang tidak diluluskan dan dari pasaran gelap yang tidak cukup berkesan, selain pesakit yang tidak menghabiskan antibiotik," jelas Profesor Chin. Contohnya kes penyakit TB, di mana strain bakteria yang tahan ubat menjadi bertambah buruk akibat daripada pesakit yang tidak melengkapkan rawatan TB, pesakit yang diberikan rawatan yang salah (dos dan tempoh preskripsi ubat

Penjahat besar di kalangan kita

"Biarpun kita biasa mendengar mengenai stafilocokus aureus yang tahan methicillin (MRSA) iaitu sejenis ubat yang tahan jangkitan kuman stafilocokus, adalah penting untuk kita ketahui bahawa 'superbugs' bukanlah sejenis bakteria tertentu sahaja dan mana-mana spesies bakteria boleh tahan antibiotik dan menjadi 'superbugs'. Bakteria salmonella sebagai contoh, adalah jangkitan biasa tetapi amat memudaratkan yang disebabkan makanan dan minuman tercemar."

yang salah) dan tidak mendapat ubat-ubatan yang betul atau mengambil ubat dari pasaran gelap.

Selain daripada itu, ramai yang tidak peduli untuk menghabiskan antibiotik. "Ada masanya kita merasakan gejala yang kita hidapi sudah semakin baik tetapi kita tiada bukti untuk mengesahkan sama ada bakteria sudah dibunuh sepenuhnya atau sebaliknya yang berlaku iaitu ia terus membiak," tambah Profesor Chin. Ada juga yang menyimpan antibiotik dan apabila tidak sihat, mereka mengambilnya semula tanpa preskripsi doktor tanpa mengetahui sama ada mereka menghidapi jangkitan virus atau bakteria. Tambahan lagi, pengambilan antibiotik yang tidak lengkap tidak mampu menghentikan pembiakan bakteria. Ini membolehkan MDR berkembang dan membentarkan bakteria dalam badan untuk membina ketahanan kepada ubat-ubatan.

PERTEMBUNGAN RAPAT

PROFESOR Chin bukanlah orang asing apabila berbicara mengenai 'superbugs' yang pernah beliau hadapi dua kali dalam hidupnya. Kali pertama semasa di dewan pembedahan ketika satu ketumbuhan dikeluarkan dari belakang telinga beliau. Prosedur pembedahan tidaklah rumit dan tidak menyakitkan, tetapi untuk beberapa hari selepas itu tumbuh bula pada bahagian pembedahan yang dijahit, yang mana kantung bula dipenuhi nanah.

Beliau pergi berjumpa semula pakar bedah untuk mendapatkan antibiotik topikal dan oral. Namun begitu, rawatan tersebut tidak berkesan di mana luka semakin teruk dan nanah meleleh dengan banyaknya sehingga beliau terpaksa merawatnya seperti membalut luka kecederaan. "Dua minggu seterusnya saya diberikan tiga ke empat kelas antibiotik yang berbeza. Malangnya, tiada satu pun antibiotik-antibiotik tersebut yang boleh mengawal pembiakan bakteria dan ada ketikanya dalam beberapa jam saya terpaksa kerap menukar balutan luka," kenang beliau.

Akhirnya beliau merujuk seorang pakar perubatan tropikal (Profesor Chin berada di Amerika Syarikat pada waktu itu). "Doktor tersebut melakukan sapuan pada luka, mengkultur dan menjeniskan bakteria itu. Ia

ialah MRSA," katanya. (Profesor Chin memberitahu, sapuan klinikal sepututnya dilakukan apabila luka sudah mula menunjukkan tanda-tanda kerintangan kepada antibiotik.)

Profesor Chin diberikan antibiotik terakhir yang sangat kuat dan lukanya mengering dalam tempoh sehari. "Namun begitu, antibiotik itu hanya boleh digunakan sebagai pilihan perubatan paling akhir kerana jika ia digunakan sebagai pilihan pertama, dan bakteria itu didapatkan tahan kepada ubat itu, maka ketika itu tiada apa yang boleh dilakukan untuk mengawal MDR tersebut," jelas beliau.

JUMPALAH DOKTOR TEPAT PADA MASANYA

PROFESOR Chin menganggap dirinya bertuah kerana berjaya mendapatkan ubat yang betul tepat pada masanya. Ramai yang tidak bertuah seperti. "Terdapat kes di mana pesakit terdedah kepada 'superbugs' pada kaki dan jika tidak mendapat antibiotik yang sesuai tepat pada waktunya, seringkali kaki yang dijangkiti itu terpaksa dipotong akhirnya," terang beliau memberi amaran. Dalam sesetengah kes, jika 'superbugs' memasuki darah, ia akan menjadi sistemik dan boleh membawa maut.

"Kejadian kedua yang menimpa saya di mana saya terluka oleh serpihan gelas. Keesokkan harinya, timbul lepuh seperti bula di kawasan luka. Pengalaman lalu membuatkan saya merujuk doktor dalam tempoh 24 jam dan menceritakan sejarah MRSA saya.

"Bagi orang yang tiada

pengalaman begini, anda perlu membuat penilaian sendiri. Perhatikan luka anda dan jika dilihat tidak normal, ambillah gambar. Selepas 24 jam ambil gambar sekali lagi. Ambil perhatian sama ada ia semakin baik selepas disapukan antiseptik atau krim antibiotik. Jika tiada perubahan atau kelihatan semakin teruk dalam tempoh sehari dua, mohon rujuk kepada doktor. Jika bula yang terhasil nampak meragukan, doktor berkemungkinan akan mengambil kultur dan menjeniskannya supaya ia dapat dirawat," nasihat beliau. Tindakan memberikan sejarah lengkap luka atau lecetan luka kepada doktor atau di mana anda merasakan anda mendapat jangkitan 'superbugs' amat membantu para doktor memberikan pilihan rawatan dan penjagaan terbaik.

HENTIKAN PEMBIAKANNYA!

BAKTERIA tahan pelbagai ubat ada di mana-mana. Salah satu manfaat pandemik COVID-19 adalah ia membantu meningkatkan penghayatan mengenai kebersihan di kalangan kita. "Tabiat-tabiat seperti memastikan permukaan terbuka sentiasa dilap dan hanya barang bersih yang masuk ke dalam rumah adalah sesuatu yang baik. Buah-buahan dan sayuran yang baru dibeli pula dibasuh sebelum disimpan dan dimasak. Ia menghalang bakteria daripada membiak," kata Profesor Chin. Beliau turut menasihati supaya tidak membiasakan sikap suka mencuba rasa buah-buahan di gerai-gerai dan pasar raya. "Jika mahu mencuba sekalipun, laplah dahulu dengan tisu basah."

Beliau berkata kita sepatutnya memakai kasut atau sarung kaki semasa berjalan-jalan di kawasan yang tanah dan airnya tercemar. "Elakkan daripada berjalan-jalan di kawasan yang mana tanah dan airnya kelihatan tidak bersih kerana MDR boleh melekat pada kulit dan memasuki tubuh badan melalui luka atau lecetan."


Berhati-hati itu baik tetapi tiada sebab untuk panik. "Jika anda mendapat MDR contohnya pada kulit anda, ketahuilah yang ia tidak dapat memudaratkan diri kerana kulit anda adalah organ pelindungan yang sangat baik. Bakteria dan patogen hanya boleh memasuki badan jika ada luka pada kulit. Oleh itu, anda baik-baik sahaja jika tiada sebarang luka atau lecetan pada kulit. Basuh sahaja tangan, kaki atau mana-mana kawasan badan yang terdedah."

Perkara yang sama juga jika anda termakan bakteria. "Perut kita lazimnya mempunyai asid perut yang mencukupi untuk membunuh bakteria dan di kebanyakan masa kita mempunyai sel imun semula jadi yang memadai untuk melawannya," jelas beliau. Namun begitu, orang yang terimumokompromi atau mempunyai sistem imun yang lemah perlu lebih berjaga-jaga supaya tidak terkena jangkitan bakteria. Ini kerana sistem imun anda mungkin tidak berupaya untuk menaungi pertumbuhan bakteria yang laju.

Profesor Chin menegaskan, salah satu cara yang paling ampuh untuk melawan 'superbugs' adalah melalui pendidikan dan kesedaran. Orang ramai perlu memahami kenapa MDR wujud. "Jika mereka tidak tahu, maka wujudlah ketakutan dan salah maklumat," terang Profesor Chin.

"Mudah sahaja sebenarnya. Majoriti 'superbugs' MDR dicipta oleh manusia iaitu melalui 'Pencemaran Antibiotik,'" kata Profesor Chin. Memandangkan ia adalah ciptaan manusia, maka terpulang kepada kita untuk melawan penjahat-penjahat besar yang berada di kalangan kita ini.

PROFESOR Chin Beek Yoke merupakan Dekan Bersekutu Fakulti Sains Kesihatan bagi Hal Ehwal Penyelidikan dan Hubungan Luar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).



PJMKM MyGrocer@Wilayah dilancarkan, bantu kurangkan beban rakyat



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PROGRAM Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) MyGrocer@ Wilayah yang telah dilancarkan di Pulau Bebas Cukai ini merupakan komitmen kerajaan dalam membantu mengurangkan beban rakyat dalam cabaran peningkatan kos sara hidup.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, dilaksanakan selama lima bulan merupakan satu program inisiatif oleh Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bertujuan untuk membantu rakyat menghadapi

cabaran peningkatan kos sara hidup dan membantu rakyat untuk mendapatkan bekalan.

“Dengan program ini, sudah pasti rakyat mendapatkan bekalan yang lebih murah berbanding hari kebiasaannya dan program ini memberikan manfaat kepada rakyat,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan program itu di salah sebuah pasar raya di sini, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, isteri kepada Menteri Wilayah Persekutuan Datin Seri Shamsiah M Yassin, Pengurus Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Shahidan berkata program selama lima bulan itu diada-

kan bermula 20 dan 21 Ogos diikuti 28 Ogos di tiga pasar raya terpilih iaitu Bataras Hypermarket, Savemore Supermarket dan Family Mart.

Sebanyak lapan jenis barang yang disenaraikan dalam PJMKM 2022 dan kadar subsidi yang diberikan iaitu ayam segar, ayam bulat (RM3.00), telur ayam (RM0.50), tepung gandum 1 kg (RM0.20), gula 1 kg (RM0.15), sardin bukan premium 425gm (RM0.50), beras bukan premium 5kg (RM1.50), susu pekat 500gm (RM0.70), santan kotak 200ml (RM0.20).

PJMKM akan diperluaskan dalam skala yang lebih besar bagi membantu rakyat mendapatkan bekalan keperluan harian pada harga yang lebih murah daripada pasaran. **WK**



SHAHIDAN (dua kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil pasar raya yang bekerjasama dalam pelaksanaan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Labuan.

500 peserta sertai aktiviti Berjalan Teguh Bersama



SHAHIDAN (depan, tengah) merakamkan gambar bersama para peserta Karnival Semarak Uniti Keluarga Malaysia.

SERAMAI 500 peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat menyertai aktiviti Berjalan Teguh Bersama sempena Karnival Semarak Uniti Keluarga Malaysia yang diadakan di Dewan Arena Bukit Kuda, di sini, baru-baru ini.

Program tersebut merupakan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Labuan dengan kerjasama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Tabika Perpaduan

JPNIN.

Pengarah JPNIN Labuan, **Esther Dingkawan** berkata program yang berlangsung serentak di seluruh negara itu dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif dalam mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia ada terjalin di seluruh negara, termasuk di Labuan.

“Selain itu program ini juga bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan hati rakyat sempena kita menyambut Bulan

Kemerdekaan” katanya ketika berucap pada program itu Sabtu lalu.

Sesi perasmian program itu telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan turut ditemani isterinya Datin Seri Samsiah M Yassin.

Terdahulu, sesi gimik pelancaran aktiviti Berjalan Teguh Bersama telah disempurnakan oleh Pengurus Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias. **WK**

MSWP salur bantuan RM88,000 kepada persatuan sukan di Labuan

MAJLIS Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menyerahkan bantuan berjumlah RM88,000 kepada persatuan sukan di Pulau Bebas Cukai ini bagi membantu dalam program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

Penyerahan bantuan itu disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim kepada 24 persatuan sukan di Labuan pada majlis penyampaian bantuan itu di sini, pada Sabtu lalu.

Shahidan berkata sebanyak 24 pasukan sukan bakal menerima bantuan pentadbiran di antara RM3,000 hingga RM5,000 bagi setiap persatuan dengan jumlah keseluruhan RM88,000.

Katanya, adalah sebagai tandanya sokongan dan galakan tidak berbelah bahagi kami kepada persatuan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, tidak kiralah sama ada dari Labuan, Kuala Lumpur

mahu pun Putrajaya.

“Menjadi harapan saya agar lebih banyak persatuan sukan di Labuan dapat melahirkan ramai lagi atlet yang berpotensi tinggi, lebih-lebih lagi Labuan mempunyai kelebihan tersendiri dalam pembangunan sukan berdasarkan air.

“Saya cukup yakin dengan usaha keras dan semangat yang padu, lebih ramai lagi atlet berprestasi tinggi dapat dilahirkan oleh persatuan sukan di Labuan, yang mana pada suatu hari nanti *Insya-Allah* mereka ini bakal mewakili dan mengharumkan nama negara hingga ke peringkat dunia,” katanya dalam petikan ucapannya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan ucapan selamat maju jaya kepada 39 atlet di Labuan yang mewakili sembilan jenis sukan kerana berjaya disenarai pendek untuk mewakili kontinen Wilayah Persekutuan ke SUKMA pada 16 hingga 24 September depan.



SHAHIDAN (tengah) menyaksikan penyerahan Bantuan Pentadbiran Persatuan Sukan yang disampaikan oleh pengurus MSWP Ramli (dua dari kanan) kepada Rithuan (dua dari kiri).

“Diharapkan mereka yang terpilih ini bakal memperoleh kejayaan yang cemerlang, sekali gus mengharumkan nama Wilayah Persekutuan pada temasya itu nanti,” ujarnya.

Pada majlis yang sama, Shahidan turut menyampaikan

Bantuan Awal Institut Pengajian Tinggi oleh Yayasan Wilayah Persekutuan kepada atlet ragbi wanita di Labuan, Zaryssa Awang Danial yang bakal mengikuti kursus Diploma Pengajian Sukan di Universiti Teknologi MARA, Samarahan, Sarawak.

Terdahulu, Shahidan turut menyaksikan dan menyampaikan hadiah Grand Final Kejohanan Futsal Piala Menteri Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 di Gelanggang Futsal Tanjung Purun di sini.

Perlawanan itu menyaksikan pertembungan antara juara Futsal Piala Menteri Wilayah Persekutuan peringkat Kuala Lumpur/Putrajaya dan juara peringkat Labuan, dengan pemenang menerima wang tunai RM1,500, Piala Menteri Wilayah Persekutuan dan pingat, sementara naib johan menerima RM1,000, piala serta pingat. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM178



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM178".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **27 OGOS 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 180**.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 176**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM176 daripada akhbar Wilayahku Edisi 176:


NUR ALYA QAISARA RAZIMAN SYAH
(9 tahun)
Presint 17, Putrajaya

PUTERA AIMAN MOHD FAUZAN
(12 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan

BALQIS UMAIRA ABDUL GHANI
(10 tahun)
Shah Alam, Selangor



TEKA SILANG KATA SK178

**MELINTANG**

1. Rombongan/perwakilan
5. Kuantiti ubat
6. Besi hujung bercangkuk
9. Renyuk/lusuh
10. Barisan
11. Habis/usai
13. Dunia

KE BAWAH

1. Sejenis tumbuhan menumpang
2. Kecut/kendur
3. Relau membakar batu-bata
4. Kebangkitan
7. Huruf
8. Bekas mencedok air
11. Sarjana Muda Sastera
12. Permit Import

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK178".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **27 OGOS 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 180**.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.
E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK176 daripada akhbar Wilayahku Edisi 176:

NOR AZIAN MOHD YUSOF
(39 tahun)
Dengkil, Selangor

NIK DANISH HILMAN NIK AZRUL
(28 tahun)
Desa Tun Razak, Kuala Lumpur

MOHD FADHILAH ABDULLAH
(41 tahun)
Puchong, Selangor

Creative Minds perkenal teknologi bantu pelajar teroka bidang STEM



DIANA AMIR

PENGUNAAN teknologi pada masa kini dilihat sebagai satu inti pati penting bukan sahaja sekadar untuk carian maklumat atau medium komunikasi dan sebagai bahkan ia juga diguna pakai dalam sistem pembelajaran.

Menyedari akan kelebihan itu, Syarikat Creative Minds mengambil langkah memperkenalkan STEM (*Science, Technology, Engineering dan Mathematics*) kepada kanak-kanak sekolah rendah, menengah dan pelajar universiti tentang kepentingan teknologi tersebut.

Menurut Pengarah Pengurusan Creative Minds, **Ts. Muhammad Shafiq Shahrul Amar**, penubuhan syarikatnya 10 tahun lalu kerana dia melihat kurangnya pendedahan dalam bidang teknologi robotik ketika itu.

"Saya juga dapat lihat beberapa kekurangan dari segi kualiti kerja serta peluang pekerjaan buat pelajar lepasan universiti. Jadi, saya dan pasukan bergerak ke sekolah-sekolah swasta dan antarabangsa serta universiti untuk berkongsi ilmu berkenaan teknologi.

"Waktu itu, melalui program-program yang telah dilakukan, saya lihat ramai pelajar berminat untuk mengetahui lebih mendalam tentang teknologi yang ada serta berkemahiran dalam menggunakanannya."

"Kebanyakan pelajar luar bandar lebih memahami dan mahir dengan bidang ini misalnya kalau kita berikan robot mereka faham konsep apa yang akan dilakukan kerana rata-ratanya berkebolehan cuma tiada peluang untuk melakukannya," katanya kepada *Wilayahku*.



MUHAMMAD SHAFIQ



PESERTA di bawah Creative Minds berpeluang meneroka teknologi seperti Robotik, 3D Printer dan Pocket Lab Analyst serta mengikuti kelas yang diadakan secara atas talian.

Kongsinya tentang teknologi robotik, pecahan lego akan digunakan untuk membina robot seterusnya peserta akan diajar berkenaan kod yang mana ia digunakan untuk subjek-subjek seperti Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dan Fizik.

Berkongsi lanjut tentang penglibatan awal Creative Minds dalam setiap program yang dianjurkan, ia bermula dengan teknologi robotik sahaja dan kini sudah mempunyai dua lagi teknologi baharu.

"Teknologi terkini yang diperkenalkan adalah 3D Printer dan Pocket Lab analyst di mana mereka belajar mengenai mereka bentuk serta analitik data. 3D Printer bagi subjek Sejarah di mana cikgu akan menunjukkan lokasi-lokasi penting melalui lukisan 3D dan seterusnya Pocket Lab Analyst digunakan untuk subjek fizik," ujarnya.

Jelasnya lagi, ketiga-tiga

teknologi yang diperkenalkan boleh digunakan sebagai medium pembelajaran di sekolah.

"Kalau di sekolah teknik pembelajaran hanya secara teori jadi kita datang dengan teknologi yang membolehkan mereka melakukan praktikal. Pelajar boleh mengaplikasi pembelajaran secara teori tersebut seterusnya membantu mereka untuk lebih mengingati apa yang dipelajari seterusnya menjadikan sesi pembelajaran di sekolah lebih menarik," katanya yang berpengalaman selama 15 tahun dalam bidang kejuruteraan minyak dan gas.

300 SEKOLAH TERIMA MANFAAT

BERCERITA tentang teknologi yang dicipta, Creative Minds akan bergerak ke sekolah-sekolah bagi perkongsian ilmu berkenaan teknologi dan sehingga kini sebanyak 300 sekolah telah dikunjungi.

"Kita banyak berkolaborasi



bersama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan ia bergantung pada program kerana tidak semua sekolah menerima sepenuhnya pendidikan teknologi ini.

"Tumpuan kami lebih di sekolah menengah kerana kami mahu mendedahkan pelajar serta mendorong mereka untuk memilih aliran sains seterusnya membantu mereka meneroka karier jurutera dan penganalisis data," jelasnya.

Berkongsi cabaran dalam meneruskan perniagaannya, Muhammad Shafiq berkata pendidikan berkenaan teknologi masih dianggap pembelajaran kokurikulum oleh kebanyakan sekolah di Malaysia.

"Antara cabaran yang dihadapi, ramai yang beranggapan ia hanya pembelajaran kokurikulum bukan teras. Pelajar hanya melakukan pembelajaran secara tradisional dan sekiranya mereka ingin mencuba sesuatu yang menyeronokkan ia perlu dilakukan di luar waktu persekolahan.

"Apa yang kami cuba ketengahkan ialah teknologi ini boleh diguna pakai dan dibawa ke dalam bilik darjah dan cara penggunaannya tidak terlalu ekstrem atau sukar di mana pelajar sekolah rendah juga mampu mahir menggunakanannya dengan tunjuk ajar yang betul.

"Biar pun begitu, terdapat beberapa sekolah yang menunjukkan minat terhadap pendidikan teknologi dan membeli teknologi tersebut daripada pihaknya," ujarnya yang turut membuka peluang bagi mereka yang berminat menjadi pelatih di bawah Creative Minds.

Katanya lagi, mereka boleh melayari laman web STEM.org.my dan pelajar boleh mengikuti kelas secara atas talian.

"Bermula dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua data serta kelas kita adakan secara atas talian melibatkan seluruh pelajar di Malaysia dan pada tahun ini sahaja kita mempunyai seramai 5,000 peserta," ujarnya. **W.K**





Kehangatan RFP 2022 semakin membara



Foto: FARIS AZMI
AINIE MAWAWI

BERBAKI dua hari lagi sebelum berlangsungnya acara Tahunan Floria Diraja Putrajaya atau Royal Floria Putrajaya (RFP) 2022 bermula 29 Ogos hingga 4 September 2022 ini, Perbadanan Putrajaya (PPj) selaku penganjur selain peserta giat menjalankan persiapan terakhir.

Tinjauan *Wilayahku* pada Isnin lalu di tapak Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya mendapat 70 peratus persiapan telah dilakukan berbaki 30 peratus sahaja lagi menjelang sesi penjurian yang akan dilaksanakan pada 28 Ogos ini (Ahad).

Menurut Pengarah Perancangan Dan Pembangunan Taman, Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya, **LAr. Haslinda Khalid**, dijangka semua persiapan akan selesai sepenuhnya selewat-lewatnya pada Sabtu (27 Ogos).

"Setakat ini para peserta sedang bertungkus-lumus menyiapkan taman masing-masing dari segi struktur dan bunga-bunga pula sudah mula sampai ke tapak secara



PARA pekerja sedang menyiapkan Wall Of Orchids.



PEMANDANGAN dari bahagian atas Taman PPj.

berperingkat.

"Kita jangkakan bunga-bunga akan masuk sepenuhnya bermula Jumaat ini," ujarnya yang menjelaskan festival akan diserikan dengan limpahan pelbagai spesis tanaman dalam anggaran 200,000 hingga 300,000 kuantiti pokok bunga.

Mengulas tentang lokasi yang dijangka menarik perhatian pengunjung, Haslinda berkata terowong yang menjadi laluan Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada sesi perasmian adalah antara tarikan utama.

"Ini kerana ia dihiasi bunga orkid berwarna kuning selain di kiri kanannya terdapat Wall Of Orchids yang dihias cantik selain diterangi oleh Cahaya untuk

menaikkan seri pada sebelah malamnya.

"Selain daripada itu, Skywalk di pintu masuk utama pula dihiasi dengan kain bertemakan warna Jalur Gemilang untuk menaikkan semangat patriotik sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan pada 31 Ogos.

"Sebanyak 16 dinding mural berkonsep 3D flora fauna, Keluarga Malaysia, frontliners akan menghiasi kawasan tersebut selain hamparan karpet merah yang dijangka menjadi spot pengunjung bergambar.

"Sementara itu, pada malam Ambang Merdeka, majlis akan diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang akan menyempurnakan majlis pada

malam tersebut," ujar beliau lagi.

Festival yang berlangsung selama tujuh hari itu juga dijangka akan menjadi tumpuan kaum keluarga kerana terdapat lokasi santai bersama anak-anak berdekatan kawasan Pantai Floria yang turut disediakan taman permainan, petting zoo dan sebagainya.

Antara pertandingan yang akan diadakan pada festival kali ke-12 yang bertemakan Floria Hebat ini adalah Pertandingan Orkid, Pertandingan Bonsai, Pertandingan antara Taman-Taman Pameran dalam kalangan peserta dari agensi kerajaan dan swasta, Pertandingan Sekolah, Universiti dan Taman-Taman Khas seperti Taman Perbadanan Putrajaya (PPj) dan sebagainya. **WK**





AIDIL ketika beraksi pada Kejohanan MTB Johor 2022.

SABRINA SABRE

ATLET sukan berbasikal bukit Wilayah Persekutuan, Muhammad Aidil Taufid Afendi, 23, tetap fokus dalam bidang sukan yang menjadi keutamaannya sejak berumur 15 tahun walaupun dua tahun kebelakangan ini kekurangan kejohanan akibat perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mengakui gembira dengan keadaan semasa kerana pengajuran acara semakin menggalakkan, dia mengimpikan berada pada kedudukan tiga teratas dalam Sukan Malaysia



(SUKMA) yang akan berlangsung pertengahan September ini.

"Lebih banyak kejohanan yang disertai pada masa akan datang sekali gus dapat mengukur pencapaian diri selain menjadi medan untuk memperbaiki prestasi," ujarnya yang akan memastikan dirinya mampu mencapai sasaran yang diingini dalam SUKMA.

"Untuk berada di tahap top 3 saya sibuk menjalani latihan setiap hari," ujar anak sulung daripada dua orang adik-beradik yang berasal dari Kuala Lumpur ini.

Bercerita tentang minatnya dalam sukan lasak ini, Aidil berkata ia bermula sejak dari kecil lagi kerana keinginannya terhadap sukan ekstrem melebihi daripada sukan biasa ketika itu.

"Saya dapat merasakan masa hadapan cerah untuk terus berada dalam sukan berbasikal bukit ini

selain berasa tenang dan lebih dekat dengan suasana alam semula jadi," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi tentang langkah keselamatan sebelum berbasikal, kebiasaannya sebelum memulakan latihan mahupun kejohanan, dia akan memastikan basikalnya berada dalam keadaan baik.

"Tayar dan brek paling penting. Jangan sesekali terlepas pandang kerana ia boleh mengundang kemalangan dan kecederaan. Bagi yang beragama Islam pula, perlulah sentiasa berdoa agar sentiasa dalam lindunganNya," katanya.

Selain sibuk bersukan, dia juga mengambil langkah berani menceburkan diri ke perniagaan untuk menjana pendapatan seharian.

"Pada mulanya semasa PKP dilaksanakan, kawan saya menawarkan pekerjaan membantunya menguruskan perniagaan produk. Tidak sangka pula ramai pelanggan yang

Pencapaian Muhammad Aidil

2022 - Kejohanan Mountain Bike Kebangsaan - Tempat ketiga

2022 - OCBC Cycle Singapore National Championship - Tempat kedua

2022 - Kejohanan Mountain Bike Johor - Tempat ketiga

ingin mendapatkan produk krim tersebut.

"Alhamdulillah kini sambil bersukan, saya juga dapat menambah duit poket dengan menjual produk yang kaya dengan pelbagai khasiat antaranya membantu mengelakkan kulit daripada melecat semasa bersukan, mengelakkan ruam dan sebagainya," ujarnya. **WK**

32 peserta petanque YWP berentap secara liga, 12 bakal terpilih ke Sarawak

DIANA AMIR

PESERTA petanque Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mempamerkan komitmen tinggi dalam menjalani latihan serta sesi pemilihan pemain bagi Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA) 2022.

Pengurus Pasukan Petanque, **Noraini Abdullah** berkata dirinya teruja apabila sukan petanque mendapat sambutan menggalakkan berbanding acara sukan lain dengan penglibatan seramai 32 peserta.

"Saya bersyukur apabila acara petanque menerima penyertaan tertinggi berbanding sukan-sukan lain. Kesemua peserta menunjukkan komitmen tinggi dalam menghadiri sesi latihan serta pemilihan yang telah diadakan bermula minggu lalu."

"Seramai 32 peserta yang terlibat akan bermain secara liga dan dibahagi kepada empat pasukan. Tiga pemain terbaik bagi setiap kumpulan akan dipilih untuk mewakili di PESAYA," katanya kepada *Wilayahku*.



NORAINI



PESERTA petanque hadir ketika sesi pemilihan di Arena Petanque Kuala Lumpur, baru-baru ini.

meneruskan sesi pemilihan pada Selasa depan memandangkan ada sebahagian daripada pemain yang tidak dapat menyertai sesi pemilihan sebelum ini atas sebab yang tidak dapat dielakkan.

"Saya percaya peluang perlu diberikan memandangkan ada daripada mereka yang berbakat dan telah hadir pada sesi latihan tempoh hari," ujarnya.

Berkongsi berkenaan prestasi semasa peserta petanque, Noraini berkata ketika ini pasukan YWP mempunyai kelemahan dari segi kemahiran terutama bahagian 'shooter'.

"Untuk posisi 'pointer' kita

mempunyai ramai calon tapi di bahagian 'shooter' masih tiada, oleh itu kita akan melantik seorang jurulatih bagi membantu sesi latihan peserta yang terpilih nanti."

"Namun saya percaya dengan latihan yang berterusan serta komitmen tinggi kita mampu melahirkan 'shooter,'" katanya yang mengharapkan YWP mampu membawa pulang pingat bagi acara sukan tersebut.

Tambahnya penyertaan YWP bagi acara petanque sebelum ini hanya di peringkat suku akhir dan mengharapkan pengajuran kali ini layak ke peringkat akhir.

Untuk rekod, PESAYA 2022 bakal diadakan di Sarawak pada 3 hingga 13 November ini dan merupakan pengajuran kali ke-14. **WK**



KETUA Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun (tengah) bersama johan kategori bawah 18 tahun dari Kolej Vokasional Labuan.

Kemeriahan Kejohanan Akhir Futsal Piala Menteri Wilayah Persekutuan 2022

PASUKAN TOT United (KL) dinobatkan sebagai johan futsal Piala Menteri Wilayah Persekutuan kategori lelaki selepas menewaskan pasukan Sun Wukong FC dengan mata jaringan 5-3 di Gelanggang Futsal Perbadanan Labuan, Tanjung Purun.

Manakala johan bagi kategori wanita dirangkul oleh pasukan Kazza YT (KL/ Putrajaya) selepas menewaskan pasukan AMK Infinity (LABUAN) dengan memperolehi mata jaringan.

Kedua-dua johan pada

pertandingan itu menerima wang tunai RM1,500, Piala Menteri Wilayah Persekutuan dan pingat.

Sementara itu, pasukan Sun Wukong FC dan AMK Infinity dinobatkan sebagai naib johan kejohanan itu dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000 bersama piala dan pingat.

Dalam pada itu, bagi kategori bawah 18 tahun, johan dimenangi oleh Kolej Vokasional Labuan yang membawa pulang wang tunai bernilai RM500, piala dan medal. **WK**

Shahidan dilantik Presiden KL City FC

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyambut baik pelantikan beliau sebagai Penaung merangkap Presiden Kuala Lumpur City FC (KL City FC).

"Saya berterima kasih atas pelantikan sebagai Penaung merangkap Presiden KL City FC seperti yang diumumkan oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA), Khalid Abdul Samad.

"Bagaimanapun saya akan menerima jawatan tersebut setelah saya membuat semakan dengan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan KL City FC bebas dari sebarang isu.

"Ini bagi memastikan prestasi kelab bola sepak tersebut sentiasa berada pada tahap terbaik," kata beliau yang juga merupakan Presiden Renang Malaysia (MS) dan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dalam satu kenyataan.

Terdahulu, Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) dalam kenyataan menjelaskan Shahidan akan bertindak sebagai penasihat dalam urusan berkaitan bola sepak untuk membawa kelab itu ke tahap lebih tinggi. - Gambar fail.



KLFA memaklumkan Shahidan (tengah) akan bertindak sebagai penasihat dalam urusan berkaitan bola sepak untuk membawa kelab itu ke tahap lebih tinggi. - Gambar fail.

sukan bola sepak merupakan penyatu antara mereka yang berbeza fahaman politik namun boleh bersatu demi memajukan bola sepak Kuala Lumpur.

"Saya percaya kami dapat bersama-sama dalam membawa kelab ini ke arah kejayaan dan pencapaian yang lebih tinggi lagi pada masa akan datang," ujar beliau lagi.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif KL City

Stanley Bernard berkata kunci bagi pengukuhan kelab itu adalah dengan mengumpulkan semua pihak yang berkepentingan.

"Cuba bayangkan, sebuah kelab yang mendapat sokongan pihak tersebut yang sanggup mengetepikan perbezaan dengan matlamat membina pasukan yang kuat dan kompetitif," kata beliau berhasrat mewujudkan sebuah kelab bola sepak yang profesional.

WK



KPE YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun menerima Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Mandarin Oriental baru-baru ini.

YWP rangkul Best CSR Award 2022 in Urban Development

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) telah diberikan Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik dalam Pembangunan Bandar anjuran *Malaysia Best Business Award* bagi tahun 2022.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zaizalnizam Zainun berkata anugerah tersebut merupakan penghargaan ke atas usaha yang telah dilaksanakan melalui beberapa program bertujuan untuk membantu warga Wilayah Persekutuan.

"YWP merupakan sebuah badan yang berfungsi untuk membantu dan memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui program di bawah Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) yang menyasarkan kepada semua golongan sasaran yang memerlukan.

"Penghargaan ini dapat memacu kami untuk terus menyumbang dan

berbakti melalui pelaksanaan program dengan lebih efektif dalam membantu warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang memerlukan, dalam masa sama tidak meminggirkan rakyat Malaysia yang lain," katanya kepada *Wilayahku*.

Majlis yang berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur pada 21 Ogos itu menyaksikan beliau menerima anugerah tersebut daripada Bekas Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof yang turut diiringi oleh Pengerusi Malaysia Best Business Award, Shahir Adan.

Anugerah berprestij ini adalah pengiktirafan yang diberi dari *Malaysia Best Business Award 2022*, bertujuan menyambut kegemilangan perniagaan-perniagaan selain memupuk semangat bersama usahawan-usahawan. WK

Teater kisah unik Kuala Lumpur sempena jubli emas

DEEL ANJER

SEMPENA Festival KL Story / Cerita KL 2022, teater unik kisah Kuala Lumpur bakal berlangsung pada di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 3 September hingga 9 Oktober depan.

Dianjurkan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), teater yang meraikan peristiwa, tokoh, tempat, bangunan yang bersejarah ini akan mendekatkan orang ramai dengan kisah-kisah unik Kuala Lumpur sebagai sebuah ibu kota yang menarik untuk diteroka wawasannya.

Menurut penasihat festival ini, Dr Marleny Deenerwan, projek yang dibiayai di bawah Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) MOTAC

dinaungi bersama oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara WPKL, bersama-sama dengan rakan-rakan strategik iaitu MaTiC dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Pada tahun ini Mekar Budaya merupakan antara penerima geran GSSK ini bagi melaksanakan program Festival KL Story/Cerita KL. Bagi menjayakan projek ini, Mekar Budaya bergabung dengan empat lagi NGO lain.

"Festival ini merupakan gabungan seni persembahan dan sidang keilmuan, bagi mengangkat kisah-kisah mengenai Kuala Lumpur.

"Wajah ibu negara Malaysia ini dipaparkan menerusi pelbagai peristiwa dalam persembahan teater, serta pelbagai perspektif kehidupan masyarakat yang membentuk dan memberi warna kepada identiti Kuala Lumpur



MARLENNY (barisan tengah, empat dari kanan) bersama penggiat seni yang terlibat dalam Festival KL Story.

selama ini," ujar beliau.

Pemilihan tema mengenai kisah-kisah Kuala Lumpur ini juga selari dengan Sambutan Jubli Emas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2022.

"Selain pementasan lima buah teater, sidang ilmu seperti bengkel

sehingga Festival Teater sebelum wabak COVID-19 melanda dunia, MaTiC merupakan sebuah pusat seni yang berjasa melahirkan ramai penggiat teater di Kuala Lumpur, dan juga dalam bidang-bidang seni selainnya.

Pada 3 dan 4 September 2022, Mekar Budaya akan menampilkan teater Perempuan-Perempuan Kampong Bharu.

Pada 10 dan 11 September pula, produksi Geliga Merah Opera akan mempersembahkan Brickfields, manakala pada 17 dan 18 September, Persatuan Teater Malaysia dengan pementasan berjudul Abdullah Hukum.

Bayaran yang dikenakan untuk menonton teater persembahan terbabit hanyalah RM10.

Festival tersebut akan diserikan dengan barisan selebriti seperti Raja Azrey, Satya, para ilmuwan seni budaya. WK